

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ مَائِدَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

MOHD AFANDI BIN MAT RANI

KETUA UNIT KUALITI :

SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD

PENYELARAS :

MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN

PENULIS :

1. MOHD SOLAHUDDIN BIN SHAHRUDDIN
2. MUHAMMAD NAJIB BIN ABD WAKIL
3. IKMAL HAFIZ BIN JAMAL
4. MOHD SIRAJUDDIN SISWADI PUTERA BIN MOHAMED SHITH
5. MUHAMMAD SYAHRUL DEEN BIN AHMAD ROSLI
6. MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN
7. HAJAR BIN OPIR

8. AISHAH BINTI AZLAN
9. FATIN NABILAH BINTI ABDUL WAHID
10. NURUL'AIN BINTI MOHD
11. NOORUL HUDA BINTI SAHARI
12. NUR HAFIZAH BINTI HARUN
13. SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD
14. HANIFAH BINTI MUSA FATHULLAH HARUN
15. SITI KHURSHIAH BINTI MOHD MANSOR
16. NURFARADILLA BINTI HARON
17. ZAINUR NADIYAH BINTI BAHARUDIN
18. FADZIANI BINTI YAAKUB
19. NOOR AZNAIM BINTI ABD LATIB
20. SHOFIYYAH BINTI MOIDIN
21. MOHAMMAD SUFIAN BIN ABDUL MANAN
22. SHARIFAH ANOM BINTI OMAR
23. S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
24. SUMAIYAH BINTI BAHRI
25. NUR FARHANI BINTI ZARMANI
26. MOHD YUSRA BIN ABDULLAH
27. SITI SARAH BINTI IZHAM
28. MOHAMAD AFANDI BIN MD ISMAIL
29. ANIS HAMIZAH BINTI HAMID
30. MUHAMAD HASIF BIN YAHAYA
31. NURUL HASANAH BINTI TAMILI
32. MUHAMAD AFIQ BIN ABD RAZAK
33. SITI NOR AMIRA BINTI MOHAMAD
34. HAMIZAH BINTI ABDUL AZIZ
35. NURBAIZURA EDAYU BINTI MOHD ANNUAR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Pelan Strategik UiTM 2025, Amanat Naib Canselor dan Amanat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadi asas kepada formula utama perancangan strategik pengurusan dan pentadbiran ACIS. Penumpuan proses kepimpinan melibatkan secara khusus ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri. Strategi kepimpinan yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh dibina melalui pembangunan Model Sistem 5P Holistik ACIS: Lampiran 1.2(1). Dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran, ACIS mematuhi dasar, pekeliling/polisi yang dikeluarkan oleh universiti dan KPT serta kementerian berkaitan.

Pelaksanaan

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan kaedah mantap bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan ACIS menitikberatkan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) yang berkesan. Segala keputusan pengurusan ditentukan secara kolektif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Kepimpinan ACIS juga diperkuatkan dengan sokongan staf akademik dan pentadbiran. Pelaksanaan Sistem 5P Holistik ACIS iaitu perancangan, pelaksanaan, pengukuran, pencapaian dan pemantauan.

Usaha di atas juga dilakukan bagi memantapkan hubungan bersama industri dan pengurusan sistematik ke atas kolaborasi yang dilaksanakan.

Kepimpinan Kanan berkomunikasi dengan staf melalui mesyuarat, perhimpunan jabatan, pekeliling, surat, memo, emel termasuk kumpulan WhatsApp/Telegram. Bagi meningkatkan kecemerlangan prestasi staf, Kepimpinan Kanan sentiasa memberi bimbingan, sokongan dan penghargaan. Staf cemerlang diberi surat penghargaan atas sumbangan masa dan tenaga demi kemajuan ACIS. Kebajikan staf diberi perhatian dengan menyediakan sumbangan melalui Badan Kebajikan ACIS/ KEKWA.

Kepimpinan Kanan sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan keperluan organisasi dari aspek prasarana dan kemudahan staf. Penaiktarafan Bangunan Cempaka 4 dan 5 yang melibatkan pejabat pentadbiran akademik, bilik pensyarah, bilik mesyuarat, bilik pasca siswazah dan bilik kuliah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang kondusif sebagai usaha menjaga kebajikan staf. Buktinya pengurusan ACIS berjaya mendapat dana RM2 Juta bagi penambahbaikan Bangunan Cempaka 4: Lampiran 1.2(2). Kepimpinan Kanan juga peka terhadap setiap aduan/maklumbalas yang diterima dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan ACIS. Kajian *UiTM Happiness Index* (UHI) yang disediakan turut diambil kira untuk tujuan penambahbaikan dan perbandingan dengan organisasi lain dalam UiTM.

Pemantauan

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa menggalakkan penghayatan sahsiah mulia, beretika dan mematuhi peraturan, prosedur serta undang-undang universiti kepada semua staf ACIS. Galakan ini bertujuan memupuk persekitaran kerja bernilai murni dan mengikut perundangan universiti. Antara perkara yang sentiasa ditekankan ialah pematuhan kepada integriti, Akta 605 (Tatatertib dan Surcaj), keberadaan serta peraturan Clock in/out. Penyampaian ini diberikan dalam Perhimpunan Bulanan, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pentadbiran serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di ACIS.

Audit Dalam dan Audit Luar juga dilaksanakan bagi tujuan pemantauan. Unit Kualiti di ACIS membantu Kepimpinan Kanan dalam membudayakan kualiti dalam perkhidmatan terutamanya yang melibatkan Jaringan Industri. ACIS juga mematuhi dasar, polisi serta pekeliling-pekeling yang dikeluarkan oleh pihak universiti termasuk juga kementerian serta agensi berkaitan seperti JAKIM.

Tindakan Penambahbaikan

ACIS sangat komited melaksanakan penambahbaikan terhadap sumber manusia dan perkhidmatan yang diberikan. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS serta diambil tindakan penambahbaikan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) ditubuhkan secara rasmi pada 21 Mei 2013 hasil daripada penstrukturan semula Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pusat pentadbiran utama ACIS bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, manakala pejabat akademik dan bilik kuliah terletak di Bangunan Cempaka 5 dan Cempaka 4. Pentadbiran ACIS diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran). Bermula pada Ogos 2019, berlaku pemisahan entiti di mana Bahagian Zakat, Sedekah & Waqaf dan Bahagian Hal Ehwal Islam dikeluarkan daripada sistem pengurusan ACIS.

Fokus ACIS ialah menjadi sebuah akademi tersohor dan pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian Islam kontemporari serta pusat perkhidmatan Islam yang efisien. Kepimpinan Kanan ACIS menyusun perancangan strategik dalam mewujudkan jaringan industri bagi memantapkan peranan ACIS serta membantu memenuhi kehendak industri dan pihak berkepentingan. Perkara ini juga menghasilkan output yang baik apabila ianya juga memberi manfaat kepada staf ACIS (membuat penyelidikan, perundingan dan mobiliti) dan pelajar ACIS (internship dan pembangunan karier contohnya Program CEO Talk).

Kepimpinan Kanan ACIS menggunakan kaedah yang sistematik dalam mencapai keputusan utama secara telus dan kolektif melalui mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik fakulti (JAF), Mesyuarat Staf Akademik, mesyuarat Pentadbiran dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Dalam mesyuarat utama ini juga dibincangkan berkaitan kolaborasi jaringan industri contohnya perancangan MOU/MOA.

Bagi memastikan maklumat, keputusan utama dan maklumbalas disampaikan dengan tepat, kepimpinan kanan berkomunikasi secara dua hala dan membina hubungan baik dengan staf. Dasar "top to down" dan "down-to top" diamalkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran dapat disampaikan dengan jelas dan telus melalui kaedah komunikasi dua hala.

Kepimpinan kanan juga menitikberatkan pembudayaan inovasi dalam perkhidmatan serta perkongsian ilmu. Staf digalakkan melibatkan diri bersama industri dan komuniti bagi mempergiatkan usaha visibiliti ACIS di samping berkongsi kepakaran staf ACIS bersama industri dan komuniti. Pelbagai inovasi program dan aktiviti dalam dan luar negara dilaksanakan oleh warga ACIS bagi memenuhi tujuan tersebut seperti Program KTP-PPA Pulau Pangkor (Lampiran 1.2.4) dan aktiviti antarabangsa: Lampiran 1.2.3.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_K01_KB02_20231_ACIS_Kepimpinan_Lampiran_1.2.1_Model_5P.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB02_20232_Lampiran_1.2.2_SURAT_KELULUSAN_JBPNP_BIL1.2023_ACIS.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB02_20233_Lampiran_1.2.3_Visibiliti.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB02_20234_Lampiran_1.2.4_KTP_Pangkor.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB02_20235_Lampiran_1.2.5_Carta_dan_Ahli_Mesyuarat_Utama.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan meneliti perancangan yang telah ditetapkan oleh CSPI/BTU dan menfokuskan kepada Pelan Perancangan Strategik ACIS dan juga Amanat Naib Canselor UiTM dan KPT untuk mencapai sasaran (KPI) yang telah ditetapkan (Lampiran 1.3.1 dan 1.3.2)

Perbincangan awal diadakan bagi menetapkan pembahagian kumpulan pelaksana/pengurus projek termasuk yang fokus kepada Jaringan Industri melalui MOU/MOA serta aktiviti sempena kolaborasi jaringan industri. Kemudian perbincangan secara bulanan diadakan bagi mengenalpasti tahap pencapaian sasaran yang telah dipenuhi. Bagi sasaran yang belum dicapai, maka perbincangan diadakan bagi mencari solusi agar penambahbaikan dilakukan dari masa ke masa agar sasaran dapat dicapai sebelum hujung tahun (Lampiran 1.3.2 dan 1.3.3)

Bagi memperkukuhkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keushawanan, ACIS berusaha melibatkan semua staf terutama pensyarah bagi merancang jaringan industri dan MOU/MOA yang berpotensi untuk dilaksanakan. Taklimat berkaitan tugas staf yang terlibat sebagai "Person In Charge" serta KPI aktiviti telah dilakukan oleh Kepimpinan Kanan ACIS bagi memastikan jaringan industri tersebut dapat dilaksanakan dengan sistematik. Keperluan kerjasama ahli bersama ketua yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti MOU/ MOA membantu dalam melancarkan perancangan ini.

Kepimpinan Kanan ACIS juga berkongsi Objektif dan Inisiatif Strategik ACIS ini bersama warga ACIS dan juga seluruh warga UiTM terutamanya melibatkan perkongsian ilmu dan kepakaran dan rujukan berkaitan isu dan persoalan kontemporari berkaitan agama Islam samaada dalam aspek akademik atau kemasyarakatan. Perkongsian ini termasuk dilakukan bersama rakan industri dalam dan luar negara. (Lampiran 1.3.3 dan Lampiran 1.3.4)

Manakala, bagi keushawanan ACIS pula, bengkel strategik dibuat pada awal semester untuk mengenalpasti target BTU KPI dan jalinan usahasama antara TD dan Koordinator. Struktur organisasi dibentuk di kalangan pensyarah dan pelajar untuk menjalankan setiap program dan inisiatif sepanjang tahun dengan milestone yang telah ditetapkan. Untuk mencapai setiap BTU, Koordinator MASMED akan membuat penyelarasan setiap staf dan pelajar yang terlibat di dalam menjayakan program yang khusus untuk setiap PI. Ini kerana setiap PI mempunyai terma yang berlainan. MASMED ACIS memastikan setiap program yang mencapai BTU dipohon awal semester untuk mengelak masalah kelulusan dan bajet. Koordinator akan update setiap bulan unit-unit MASMED fakulti dan menyerahkan laporan terkini kepada ketua PSTU.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB03_20231_Lampiran 1.3.1 PI BTU ACIS.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB03_20232_Lampiran 1.3.2 PPS- RESOLUSI ACIS 2025 terkini3.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB03_20233_Lampiran 1.3.3 Visibiliti.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB03_20234_Lampiran 1.3.4 RINGKASAN LAWATAN INDUSTRI ACIS 2022.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB03_20235_Lampiran 1.3.5 UHI 4.0 ACIS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan ACIS sentiasa menitikberatkan pemantauan melalui pelaksanaan SPK yang berkesan. Setiap bahagian, unit, koordinator dan penyelaras bertanggungjawab merangka, melaksana dan menyediakan laporan aktiviti / program.

Audit Dalam dan Audit Luar juga dilaksanakan bagi tujuan pemantauan. Unit Kualiti di ACIS membantu Kepimpinan Kanan dalam membudayakan kualiti dalam perkhidmatan terutamanya yang melibatkan Jaringan Industri. ACIS juga mematuhi dasar, polisi serta pekeliling-pekeling yang dikeluarkan oleh pihak universiti termasuk juga kementerian serta agensi berkaitan seperti JAKIM. Selain itu dalam aspek perkhidmatan lain, ACIS juga mematuhi ISO 9001:2015 serta COPPA dan COPIA serta arahan daripada MQA.

Di antara mekanisme dan pendekatan pemantauan kepimpinan ACIS:

1. Mesyuarat Eksekutif / Pengurusan Kanan
2. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
3. Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)
4. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti
5. Mesyuarat Unit
6. Mesyuarat Pentadbir
7. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia
8. Audit Dalaman
9. Audit InQKA
10. Audit MQA
11. Penilaian Prestasi / SKT

Bagi memastikan komitmen pemantauan ini berterusan, jawatankuasa di peringkat ACIS memastikan perilaku beretika dan memastikan pematuhan kepada peraturan UiTM / ACIS termasuk dalam menguruskan komunikasi bersama Pemegang Taruh dan rakan Industri.

Antara Jawatankuasa dilantik oleh Kepimpinan Kanan ACIS:

- i. Jawatankuasa Integriti: Wakil ACIS dalam program integriti dan memastikan staf patuh kepada peraturan khususnya yang melibatkan integriti
- ii. Jawatankuasa Latihan: memastikan staf ACIS memenuhi 42 jam latihan
- iii. Jawatankuasa Kualiti: Wakil ACIS memastikan staf mematuhi prosedur kualiti pengurusan dan PKO serta melaksanakan audit
- iv. Bahagian Pentadbiran ACIS: memastikan semua staf diwajibkan membuat akujanji, memastikan staf membuat pengisytiharan harta setiap lima tahun, memastikan pematuhan kepada keberadaan dan kad perakam waktu diketik
- v. Koordinator ICAN bagi menjaga hal ehwal berkaitan Rakan Industri
- vi. PIC MOU/MOA bagi menguruskan dokumen MOA/MOU rakan industri dan aktiviti yang dijalankan

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_K01_KB04_KC01_20231_ACIS_Kepimpinan Lampiran 1.4.1.1 JK Tatatertib_Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC01_20232_ACIS_Kepimpinan Lampiran 1.4.1.2 Pemantauan HEP.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC01_20233_Lampiran 1.4.1.3 Minit Mesyuarat MKSP 02-2022-.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC01_20234_Lampiran1.4.1.4 Carta Organisasi JK KUALITI.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC01_20235_Lampiran 1.4.1.5 Carta dan Ahli Mesyuarat Utama - Copy.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sangat menitikberatkan berkaitan pengurusan risiko di ACIS. Terdapat jawatankuasa Pengurusan Risiko di ACIS yang bertanggungjawab menguruskan hal ini. Pelan Tindakan Risiko ACIS juga telah dibangunkan. Ianya diwujudkan bagi mengelakkan impak negatif kepada ACIS serta perancangan dan pelaksanaan jaringan industri dan keushawanan ACIS. Antara risiko yang berjaya diselesaikan adalah penambahbaikan Bangunan Cempaka 4 dengan mendapatkan dana sebanyak RM2 Juta. (Lampiran 1.4.2.1) yang turut dibincangkan bersama rakan industri bagi mendapatkan dana termasuk dana penyelidikan.

Aspek ketelusan menjadi satu keperluan dalam memberikan keyakinan kepada pihak berkepentingan terutama dalam jaringan industri dan penglibatan aktiviti keusahawanan ACIS. Bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan, hubungan erat dan perkongsian maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan pihak berkepentingan dipraktikkan oleh kepimpinan kanan melalui pelaporan dan pembentangan bagi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam mesyuarat tertinggi universiti. Kepimpinan Kanan berperanan memaklumkan operasi pengurusan dan perancangan sesuatu projek melalui mesyuarat penyelarasan dengan lembaga governan seperti Mesyuarat Senat, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP).

Dalam mentadbir urus, pihak berkepentingan yang mempunyai jaringan industri dan penglibatan keusahawanan diberi pertimbangan yang saksama di mana kepimpinan kanan mengorak langkah dengan mengenalpasti keperluan pelanggan (pelajar dan staf). Jalinan hubungan dengan pihak berkepentingan dilaksanakan melalui komunikasi dua hala bertujuan mengelakkan percanggahan kepentingan, maklumat tepat dan memastikan maklumbalas diperolehi.

Kesemua usaha di atas adalah merangkumi tindakan merancang, kawalan serta penambahbaikan/pencegahan risiko yang dikongsi bersama dalam Mesyuarat Utama seperti yang dihuraikan di atas.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB04_KC02_20231_Lampiran 1.4.2.1 SURAT KELULUSAN JBPNP BIL1.2023_ACIS.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC02_20232_Lampiran 1.4.2.2 Ahli Mesyuarat Utama.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC02_20233_Lampiran 1.4.2.3 PELAN TINDAKAN PENYEDIAAN DAFTAR RISIKO ACIS 2022.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC02_20234_Lampiran 1.4.2.4 Minit Mesyuarat MKSP 02-2022.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC02_20235_Lampiran 1.4.2.5 Maklum Balas Audit Luar.pdf](#)

1.4.3 MENGENALPASTI TINDAKAN SUSULAN & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa melakukan semakan pengukuran pencapaian bagi mengenalpasti tindakan susulan. Pengukuran dibuat berdasarkan analisa pencapaian objektif kualiti semasa, keputusan dalam mesyuarat MKSP dan MPD, laporan aduan dan maklum balas pelanggan dan juga laporan Happiness Index ACIS. Oleh itu, fokus kepada tindakan penambahbaikan bagi mencapai objektif organisasi, menambahbaik pencapaian dan mencapai visi organisasi dilaksanakan melalui tindakan seperti: Pencapaian BTU ACIS, Pengukuran dan penambahbaikan ICAN (Jaringan Industri) dan MASMED, Piagam Pelanggan ACIS dan Objektif Kualiti ACIS.

Kepimpinan Kanan ACIS menekankan akauntabiliti dalam tindakan pengurusan melalui tindakan seperti berikut:

- i. Merangka Perancangan Strategik dan melaksanakannya;
- ii. Memastikan setiap staf mempunyai sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk dicapai setiap tahun;
- iii. Membuat semakan dan tindakan penambahbaikan terhadap sasaran yang tidak memenuhi KPI; dan
- iv. Memaklumkan dan menyebarkan tanggungjawab perkhidmatan melalui brosur, emel, laman sesawang, taklimat program dan mesyuarat di peringkat jabatan/ACIS.

Analisa dan penambahbaikan ini dijadikan pembelajaran kepada Kepimpinan Kanan dan juga staf ACIS agar perancangan seterusnya dapat dimantapkan dan diperkemaskan lagi terutama yang melibatkan Jaringan Industri dan juga Keusahawanan. Ianya amat penting bagi memastikan pengukuran dapat dibuat dengan sistematik dan relevan serta pencapaian dapat dihasilkan dengan efektif dan efisien. Ini dapat dibuktikan apabila pencapaian BTU ACIS 2022 adalah meningkat daripada pencapaian BTU ACIS 2021.

Bagi kesemua tindakan penambahbaikan yang dilakukan ini turut dikongsi bersama warga ACIS melalui Himpunan Bulanan yang dihadiri oleh semua staf, Mesyuarat Bersama Staf Akademik serta mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB04_KC03_20231_Lampiran 1.4.2.4 Minit Mesyuarat MKSP 02-2022.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB04_KC03_20232_Lampiran 1.4.3.2 Peranan Audit Dalam ACIS.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB04_KC03_20233_Lampiran 1.2.5 Carta dan Ahli Mesyuarat Utama.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB04_KC03_20234_Lampiran 1.3.4 RINGKASAN LAWATAN INDUSTRI ACIS 2022.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB04_KC03_20235_Lampiran 1.4.2.5 Maklum Balas Audit Luar.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan jabatan melalui penumpuan kepada Sistem 5P Holistik ACIS dan perancangan serta pencapaian BTU ACIS yang selari dengan transformasi UiTM 2025. Di samping itu, Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan inisiatif berikut bagi pemantapan ACIS agar kekal relevan dan dapat mempertingkatkan kehendak Jaringan Industri dan keusahawan terhadap ACIS dalam aspek

Pembangunan Akademik

- Menawarkan kursus wajib universiti di seluruh peringkat
- Menawarkan program Sarjana dan PhD secara penyelidikan
- Menawarkan program baru Diploma Muamalat, Diploma Pengurusan Halal/Sarjana Muda Muamalat
- Penawaran Program dengan kerjasama Fakulti, contoh : Sarjana Muda Pengurusan Hartanah Islam (ACIS & FSPU), Sarjana Muda Perakaunan Islam (ACIS & Fakulti Perakaunan)

Pembangunan Staff

- Meningkatkan bilangan pemegang PhD
- Meningkatkan bilangan penyelidik dan jumlah penyelidikan
- Meningkatkan jumlah perundingan dan dana.
- Membanyakkan penulisan & penerbitan
- Latihan Staf Akademik

Pembangunan Pelajar

- latihan industri
- program pemantapan pelajar
- program keusahawanan

Pembangunan Jaringan Industri & Keusahawan

- Mengadakan MOU/MOA dengan industri
- Pemerksaan URUS/PUSKAM /HART dan IkaZ
- Pemerksaan ICAN dan MASMED ACIS

ACIS juga memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui penghargaan lisan dan penganugerahan berdasarkan pencapaian prestasi serta sumbangan kepakaran dalam memperkasakan ACIS dan juga jaringan industri serta keusahawanan di ACIS. ACIS juga memberi insentif kepada mereka yang terlibat dalam penulisan. Ini penting bagi memberi semangat kepada staf untuk terus maju dan menjadi pencetus warga ACIS turut cemerlang pada masa akan datang.

Manakala, menerusi hasil geran bersama, staf ACIS dapat memaksimumkan pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti seperti mengadakan projek bersama seperti program KTP-PPA

Pulau Pangkor: Lampiran 5.1.3 dan INHAC 2022 Peringkat antarabangsa: Lampiran 5.4.1 (2).

Selain itu, diadakan Majlis Seluruh Kasih turut diadakan bagi menghargai khidmat setia dan menyerahkan saguhati kebajikan kepada kalangan staf ACIS yang terlibat seperti kemasukan ke hospital, kelahiran anak dan perkahwinan dan warga ACIS yang terkesan banjir dan kebakaran rumah.

Penglibatan dan kolaborasi yang mantap antara staf ACIS dan industri luar negara menghasilkan kejayaan cemerlang peringkat antarabangsa apabila staf ACIS dianugerahkan Top 300 Most Influential Women in Islamic Finance and Business oleh IFA Cambridge, United Kingdom: WOMANi Influencer for The Year 2022. Kejayaan ini mempertingkatkan visibiliti ACIS serta memperkukuhkan Jaringan Industri Luar Negara. Usaha ini juga memberi motivasi kepada warga ACIS dan juga warga UiTM untuk turut mencipta kejayaan di samping proses pemindahan ilmu ke peringkat global; Lampiran 5.4.1(3)

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_K01_KB05_20231_Lampiran 1.5.1 Senarai MOU ACIS_SENARAI NAMA PIC DAN AJK PROJEK MoU MoA ACIS-3page.pdf](#)
2. [F0052_K01_KB05_20232_Lampiran 1.2.4 KTP Pangkor.pdf](#)
3. [F0052_K01_KB05_20233_Lampiran 5.4.1 \(3\) Anugerah.pdf](#)
4. [F0052_K01_KB05_20234_Lampiran 5.5\(5\) Visibiliti dan INHAC.pdf](#)
5. [F0052_K01_KB05_20235_Lampiran 1.3.1 PI BTU ACIS.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan ini memberi tumpuan kepada penyampaian perancangan yang berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan oleh pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI), ACIS yang diketua oleh Prof Madya Dr S Salahudin Suyurno. TDPJI mempunyai perancangan strategik tersendiri yang dirangka untuk tahun 2021-2022, secara berkala supaya ia selari dengan perancangan dan agenda fakulti, universiti dan negara. Perancangan ini berteraskan PS ACIS 2022, yang sejajar dengan Rancangan Malaysia ke 12 (RMK-12) 2021-2025. Selain itu, Hala Tuju Strategik RMK-10 UiTM, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), berserta dengan perancangan dan dasar kerajaan yang lain dan berkaitan. Selain itu turut merujuk Agenda transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi rangka kerja lima tahun antara 2020 hingga 2025 dikenali sebagai Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) yang menjadi kesinambungan pelan strategik terdahulu, dengan memberi penekanan lebih agresif untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pelaksanaan Pelan Strategik ini juga diperluaskan melalui pelbagai kaedah seperti lawatan Dekan ke seluruh Cawangan ACIS, Industri berkaitan, dan Program Pemindahan Maklumat (KTP) di Pulau Pangkor yang meliputi mobiliti bersama komuniti dan alumni. Bagi Memastikan gerak kerja PS ini berjalan dengan lancar selaras dengan objektif yang telah ditetapkan, pelbagai kaedah pemantau telah dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalam, Mesyuarat Pengurusan Jaringan Industri serta Laporan Program Jaringan Industri.

Pihak pengurusan tertinggi ACIS telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu Unit Pengurusan Risiko bagi mengenalpasti dan memantau status risiko secara berterusan dan mewujudkan serta memantau pelaksanaan pelan tindakan kawalan risiko di PTJ dengan memerincikan risiko mengikut kategori yang bersesuaian. Hasil semua kaedah-kaedah tersebut, ianya disebar luas kepada seluruh staf ACIS agar lebih memahami hala tuju UiTM dan ACIS secara jelas. TDPJI menyediakan perancangan awal bagi mengelakkan risiko gagal dalam projek yang telah dirancang. Selain itu, bagi memudahkan pemantauan, pembentangan pencapaian telah diadakan secara bulanan, ianya disebar luas kepada seluruh staf ACIS agar lebih memahami hala tuju UiTM dan ACIS secara jelas. TDPJI menyediakan perancangan awal bagi mengelakkan risiko gagal dalam projek yang telah dirancang. Selain itu, bagi memudahkan pemantauan, pembentangan pencapaian telah diadakan secara bulanan Dengan penglibatan semua pihak yang berkaitan, penambahbaikan dapat dilakukan dan diselia dengan baik dan terkawal selaras dengan matlamat yang diletakkan dalam sasaran ACIS.

Keutuhan pengurusan ACIS sentiasa komited dalam memastikan semua kumpulan sasar terlibat dalam proses perancangan penambahbaikan menggunakan kaedah pengurusan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalam, Mesyuarat Pengurusan Dalam dan Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Penggantian ACIS. Budaya integrasi ini dilakukan terutama bagi memastikan MoU bersama NGO dan Industri, Program Pemindahan Ilmu (KTP) bersama Komuniti serta Penyelidikan dapat direalisasikan dan dimanfaatkan kepada pihak terbabit. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keushawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Shah Alam, memberi fokus kepada Jaringan Industri sejajar dengan **Indikator 4 (Pendidikan Berkualiti)**, **Indikator 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)**, **Indikator 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan)** dalam **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** yang menekankan industri, inovasi dan perkongsian pengetahuan dalam membina kesepaduan sosial. Selain itu, perancangan ini juga selari dengan **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 melalui Pemacu Perubahan XII** iaitu **Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi** bagi mengembangkan jaringan industri di ACIS. Secara tidak langsung memberi impak kepada **pertumbuhan penyelidikan** melalui penjanaaan kekayaan yang diperoleh hasil daripada MOA/MOU daripada industri dan **membawa kepada perkongsian pengetahuan** terus kepada staf, alumni, pelajar dan komuniti.

Sejajar dengan hasrat **Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mengukuhkan Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN)**. Memperkasa hubungan jaringan awam swasta melalui penyediaan penyelesaian daripada IPT kepada industri dan komuniti serta meningkatkan produktiviti melalui inovasi atau teknologi yang bersesuaian. Seterusnya dapat menyebarkan dan memindahkan ilmu dan teknologi kepada industri dan komuniti.

Di peringkat UiTM, **Pelan Strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan** dirangka berasaskan Pelan Strategik UiTM 2025 sebagai sebahagian usaha ACIS untuk menjadikan **UiTM universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan** dalam tempoh lima tahun akan datang. dibawah tema **Strategik Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni**. Perancangan jaringan industri meliputi mobiliti bersama komuniti dan alumni.

Objektif dan inisiatif strategik dalam perancangan ini turut meliputi sasaran dalam dan luar UiTM seperti berikut:

- (i) Menggerakkan aktiviti Kajian Akademik Industri MOU/ MOA kepada yang sedia ada di samping mewujudkan beberapa MOU/MOA baharu yang memacu kepada hasrat UiTM iaitu Globally Renowned University.
- (ii) Mengukuhkan hubungan dengan pihak industri bagi memperolehi penjanaaan bagi mewujudkan inovasi baharu melalui geran penyelidikan.
- (iii) Menerapkan perkongsian ilmu dan percambahan idea terhadap kelestarian staf, pelajar, alumni dan komuniti.

Pencapaian objektif strategik dan inisiatif strategik Jaringan Industri ini dirancang melalui pelantikan PIC bagi setiap MOU bersama pihak industri. Kemudian akan dirancang MOA bagi MOU yang telah dimeterai. Aspek pemantauan diberi perhatian secara berkala oleh pihak pengurusan bagi memastikan perancangan berjalan mengikut garis masa yang telah disusun. Inisiatif strategik akan disemak semula dan ditambah jika frekuensi petunjuk prestasi (PI) tidak mencapai sasaran dikehendaki. Risiko ketidakpatuhan terhadap proses ini diminimalkan dengan kewujudan borang maklumbalas program dan pembentangan pencapaian semua perancangan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) pada setiap bulan seperti Lampiran 2.2.4.

Dalam usaha memastikan Jaringan Industri dengan penglibatan kumpulan sasaran berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran bagi tahun 2022; bidang tumpuan yang menyokong kepada objektif dan inisiatif strategik dalam perancangan strategik pada tahun 2021 merangkumi **KPI PI075** iaitu **University Responsibility Program (USR)**, **PI076** iaitu **Knowledge Transfer Programmes (KTP)**, **PI077** iaitu **Amount received (from external) for**

CSR and RIF Programmes and F1079 (and Numbers of Communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects seperti Lampiran 2.2.5.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_P01_PB02_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB02_20232_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik_2.2.2.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB02_20233_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.3.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB02_20234_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.4_MPD.pdf](#)
5. [F0052_P01_PB02_20235_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.5 .pdf](#)
6. [F0052_P01_PB02_20232_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik_2.2.2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik pelaksanaan program dirangka sejajar dengan hasrat negara dalam **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG; 4, 9 & 11)** dan **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025**. Ia juga selari dengan hasrat **KPT** melalui **Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN)** serta **matlamat UiTM** dalam **Pelan Strategik UiTM 2025** melalui **Pelan Strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Ia dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh di semua sistem UiTM .

Dalam konteks pelaksanaan di ACIS perluasan inisiatif ini dilaksanakan melalui:

2.3.1 Mesyuarat Akademik dan Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD)

Pemakluman hala tuju dan inisiatif ACIS dalam Jaringan Industri dibentangkan dalam Mesyuarat Akademik dan dipantau dalam Mesyuarat Pengurusan Dalam secara berkala (rujuk lampiran 2.3.1).

2.3.2 Lawatan Dekan & Pengurusan Tertinggi ke ACIS cawangan

Perancangan Strategik ACIS 2022-2025 dibentangkan oleh dekan & timbalan-timbalan dekan secara bersemuka kepada cawangan ACIS di Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Sarawak. Ini bagi memberi ruang dan peluang kepada staf di cawangan untuk mengetahui, memberi maklum balas dan melaksanakan inisiatif Jaringan Industri mengikut kemampuan dan jaringan di peringkat lokaliti masing-masing. Ia dapat di lihat melalui lampiran 2.3.2.

2.3.3 Lawatan Dekan & Pengurusan Tertinggi ke Industri

Bagi merancakkan inisiatif jaringan industri dan mendapat jaminan kepercayaan daripada pemegang taruh dan industri, lawatan pengurusan tertinggi ACIS dilaksanakan sebanyak 38 kali termasuklah dalam dan luar negara sepanjang 2022. Ia merangkumi pelbagai kategori industri seperti GLC, universiti dalam dan luar negara, yayasan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan lain-lain seperti di lampiran 2.3.3 dan lampiran 2.3.4.

2.3.4 Program Pemindahan Maklumat (KTP) di Pangkor

Salah satu kejayaan dalam inisiatif jaringan industri adalah program KTP-PPAB40 Pulau Pangkor iaitu Program Pembangunan Penjaja Asnaf dan B40. Program ini ditaja oleh Mayabank dengan hasrat untuk memenuhi pemindahan ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh para pensyarah kepada komuniti. Ia juga melibatkan alumni dan para pelajar ACIS. Program ini terhasil daripada MOU UiTM bersama Maybank dan dimeterai melalui Dokumen Perjanjian PnP (Project Management Plan) di peringkat ACIS seperti di Lampiran 2.3.5.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB03_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1_MPD.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB03_20232_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.2_PERTEMUAN DEKAN BERSAMA ACIS CAWANGAN.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB03_20233_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.3_RINGKASAN LAWATAN KERJA 2022.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB03_20234_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.4_Lawatan ACIS ke Industri.pdf](#)
5. [F0052_P01_PB03_20235_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.5_KTP-PPAB40 Pulau Pangkor_PnP MAYBANK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan, ACIS telah menggunakan **pemantauan Pelan Strategik terhadap Jaringan Industri** melalui empat kaedah agar hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula bagi penambahbaikan pengurusan secara berterusan.

Empat kaedah ini adalah:

1) Mesyuarat Pengurusan Eksekutif melibatkan Dekan, Timbalan Dekan (TD), dan Penolong Pendaftar. Ia merupakan **kaedah pemantauan untuk perancangan strategik** bagi menjadikan setiap program yang dijalankan mencapai objektif dan target. Pemantauan secara berterusan ini boleh mendedahkan kelompongan dan mencari solusi yang relevan (rujuk Lampiran 2.4.1).

2) Mesyuarat Pengurusan Dalaman pula merupakan **kaedah pemantauan perancangan strategik kedua** yang dijalankan secara bulanan melibatkan Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Ketua Unit Kualiti (KUK), dan Penolong Pendaftar. Kaedah pemantauan ini lebih meluas dengan melibatkan pengurusan organisasi KPP dan KUK untuk memastikan susulan gerak kerja berjalan mengikut landasan yang telah ditetapkan (rujuk Lampiran 2.4.2).

3) Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan Jaringan Industri (PJI) diadakan secara bulanan yang mana diadakan secara berasingan. Mesyuarat Pengurusan PJI melibatkan Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan Industri (TDPJI), penyelaras, koordinator dan pegawai eksekutif. Fokus mesyuarat ini adalah untuk memastikan pencapaian sasaran BTU dapat dicapai dalam merealisasikan perancangan strategik berjalan dengan lancar (rujuk Lampiran 2.4.3).

4) Laporan Program Jaringan Industri yang perlu dilaporkan secara bulanan. Kaedah ini bertujuan memantau program-program jaringan industri sepanjang tahun seiring dengan objektif dan inisiatif strategik. PIC untuk setiap projek bertanggungjawab menghantar laporan aktiviti jaringan industri sebaik selesai projek tersebut kepada Koordinator Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) untuk **tujuan pemantauan dan penyediaan laporan tahunan** pada setiap tahun (rujuk Lampiran 2.4.4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_P01_PB04_PC01_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1_Mesyuarat Eksekutif.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB04_PC01_20232_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2_MPD.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB04_PC01_20233_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3_BTU.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB04_PC01_20234_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4 Program Jaringan Industri.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jaringan Industri merangka **perancangan pengurusan risiko** bagi menyusun tindakan pencegahan merangkumi: 1)Memastikan perancangan strategik boleh mencapai objektif yang dikehendaki; 2)Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam jaringan industri; 3)Mencegah atau mengurangkan kesan risiko yang tidak diingini; dan 4)Membuat pemantauan dan penambahbaikan.

Pihak pengurusan tertinggi ACIS telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu **Unit Pengurusan Risiko** bagi **mengenalpasti dan memantau status risiko secara berterusan** dan **mewujudkan serta memantau pelaksanaan pelan tindakan kawalan risiko di PTJ** (rujuk Lampiran 2.4.2.1).

Proses mengenalpasti dan mengatasi risiko dilakukan secara sistematik dan menyeluruh. Risiko dipecahkan kepada tiga kategori, iaitu risiko 'Uncertainty' terhadap kualiti program, risiko 'visibility' program di sosial media, dan risiko ketidakcukupan tenaga penggerak. Perincian risiko adalah seperti di bawah:

1. Risiko 'Uncertainty' (Ketidakpastian) terhadap Kualiti Program Pemindahan Ilmu dan Maklumat (KTP):

Risiko 'Uncertainty' terhadap kualiti program boleh dilihat kepada sambutan kehadiran dan penyertaan daripada komuniti, pelajar, pensyarah dan juga industri. Di bawah jaringan industri, ACIS melaksanakan Program Pembangunan Penjaja Asnaf dan B40 di Pulau Pangkor.

Aspek risiko ketidakpastian terhadap kualiti program adalah dari aspek: 1) ketidakcapaian kandungan pengisian kepada kumpulan sasaran seperti komuniti setempat, staf dan pelajar ACIS UiTM, 2) kelangsungan penajaan 3) sambutan penyertaan dari sasaran peserta (rujuk lampiran 2.4.2.2).

Justeru ia menjadi asas untuk tambah baik berdasarkan kepada risiko-risiko di atas.

2. Risiko 'Visibility' (Ketampakan) MOU/MOA:

Risiko 'visibility' MOU/MOA meliputi ketampakan ACIS di sisi pemegang taruh industri seperti GLC, Yayasan, Universiti dalam dan luar negara, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pihak swasta.

Manakala risiko 'visibility' MOU/MOA di media sosial pula terutamanya di aplikasi Facebook, Instagram, dan Youtube ialah hebahan promosi terhad kepada peserta dan industri. Hebahan promosi hanya dapat dilakukan secara 'online'.

3. Risiko Ketidakcukupan Tenaga Penggerak:

Terdapat kekangan tenaga penggerak dalam kalangan staf bagi menggerakkan program jaringan industri khususnya dalam MOU/MOA, KTP dan penyelidikan. Ini disebabkan ramai tenaga pengajar yang pencen atau meletak jawatan, taburan tenaga pengajar tidak selari dengan enrolmen semasa, kadar penggantian staf/terima waran gantian adalah perlahan dan tiada waran baharu dikeluarkan. Implikasinya memberi kesan kepada keupayaan untuk memastikan sumber tenaga yang mencukupi digerakkan dalam program jaringan industri (rujuk Lampiran 2.4.2.3).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB04_PC02_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.1_LANTIKAN Penyelaras Risiko.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB04_PC02_20232_ACIS_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.4.2.2 KTP-compressed.pdf](#)

3. [F0052_P01_PB04_PC02_20233_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.3_Risiko penggerak.pdf](#)

4.

5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti ACIS sentiasa membuat penambahbaikan **Jaringan Industri** dalam **Pelan Tindakan Strategik** dengan memastikan semua kumpulan sasar terlibat dalam **proses perancangan penambahbaikan** menggunakan kaedah melalui **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pengurusan PJI** (rujuk Lampiran 2.4.4.1), **serta Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Penggantian Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)** pada 26 - 28 SEPTEMBER 2022 di ILMU, BENTONG PAHANG (rujuk Lampiran 2.4.4.2).

Hasil kaedah-kaedah ini, ianya **disebar luas** kepada **seluruh staf ACIS** agar lebih memahami **hala tuju UiTM dan ACIS secara jelas**. **TDPJI menyediakan perancangan awal bagi mengelakkan risiko gagal** dalam projek yang telah dirancang. Selain itu, bagi memudahkan pemantauan, pembentangan pencapaian telah diadakan **secara bulanan**.

- Bagi inisiatif strategik mengurangkan risiko '**Uncertainty**' (**Ketidakpastian**) terhadap **Kualiti Program Pemindahan Ilmu dan Maklumat (KTP)**, pihak ACIS menyediakan perancangan awal dengan **menghubungi pihak komuniti di Pulau Pangkor bagi mendapatkan peserta**. **Langkah kedua** dengan memastikan **dana adalah mencukupi** bagi mencapai program KTP melalui **Dokumen Perjanjian PnP** bersama **pihak Maybank**. **Langkah ketiga** pihak TDPJI telah memilih **penggerak yang kompeten** dari kalangan pensyarah, alumni dan pelajar (Rujuk lampiran 2.4.4.3).
- Bagi inisiatif Risiko '**Visibility**' (**Ketampakan**) **MOU/MOA, tindakan penambahbaikan** dapat dilaksanakan melalui **lawatan ke pihak industri** bagi mendapatkan kepercayaan dan membina imej positif. **Penyebaran poster program** yang menarik di medium media massa dan media sosial (Facebook, Whatsapp Group, Youtube, Instagram) secara besar-besaran telah dilaksanakan sebagai kaedah kempen bagi menyampaikan maklumat dan menggalakkan penyertaan daripada komuniti setempat (rujuk Lampiran 2.4.4.4).
- Dalam inisiatif strategik seterusnya bagi membendung **Risiko Ketidacukupan Tenaga Penggerak**, tindakan yang boleh diambil adalah memastikan kerjasama antara unit, koordinator di fakulti seperti unit korporat, unit akademik dan unit PJI.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB04_PC03_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4.1_Mesyuarat Eksekutif.pdf](#)
2. [F0052_P01_PB04_PC03_20232_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4.2_Succession Planning.pdf](#)
3. [F0052_P01_PB04_PC03_20233_ACIS_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.4.4.3_KTP.pdf](#)
4. [F0052_P01_PB04_PC03_20234_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4.4_Lawatan ACIS ke Industri.pdf](#)
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi jaringan industri, ACIS telah melaksanakan:

1. MoU bersama NGO dan Industri

Untuk mencapai inisiatif jaringan industri, 30 memorandum persefahaman (MoU) antara ACIS bersama pihak NGO dan Industri telah berjaya dimeterai. Antaranya MoU dengan **Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM)** dan **ACIS-SyriaCare** dalam program **Kembara Korban 1001 Asnaf** bagi penganjuran ibadah korban dalam dan luar negara. Program ini telah berjaya mengumpulkan RM26,000 dan sebahagian besar dana ini di salurkan kepada pelajar melalui **program Food For Student**. (Rujuk Lampiran 2.5.1).

2. Program Pemindahan Ilmu (KTP) bersama Komuniti

Antara inisiatif baru yang dilaksanakan oleh ACIS adalah **perkongsian ilmu bersama komuniti** melalui program **Pembangunan Penjaja Asnaf dan B40 di Pulau Pangkor** hasil penajaan daripada pihak Maybank. Sebanyak **50** bilangan peserta telah berjaya menghadiri program ini dengan lancar dan mencapai matlamat untuk memindahkan ilmu dan kepakaran pensyarah ACIS kepada komuniti. (Rujuk Lampiran 2.5.2).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_P01_PB05_20231_ACIS_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1_Program Food For Student..pdf](#)
2. [F0052_P01_PB05_20232_ACIS_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.5.2_KTP.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penekanan pelanggan kepada entiti Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan pihak Jaringan Industri. Ini bagi memastikan ACIS sentiasa menyedari peranan pelanggan yang terdiri dalam kalangan Jaringan Industri dan kesukarelawan sama-sama membina suasana universiti yang lebih komprehensif, kakitangan yang proaktif dan memberi pengalaman baharu kepada pelajar melalui program komuniti yang lebih relevan dan responsif. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri.

Selari dan sejajar dengan misi dan visi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang terunggul di rantau ini dan di peringkat dunia, maka ACIS telah merangka **perancangan** melalui inisiatif dengan mengadakan kolaborasi bersama rakan strategik industri untuk dimanfaatkan secara bersama seperti dalam pelbagai bidang. Usaha ini perlu dipergiat dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi antara pelanggan bagi memperkasakan lagi kolaborasi di persada dunia seperti Muslim Professional Japan Association, Dewan Perniagaan Muslim Malaysia dan pelbagai lagi.

Secara umumnya, antara **pelaksanaan** yang telah berlaku dan melibatkan pelanggan meliputi (1) latihan dan pembangunan modal insan pelajar dengan Jaringan Industri, (2) disamping sangkutan industri kepada kakitangan dan pelajar melalui alumni, (3) serta pembangunan staf melalui kerjasama seperti program sukerlewan banjir, ibadah korban, kutipan dana untuk anak-anak yatim dan sumpamanya. Selain itu, (4) aspek perundingan oleh tenaga pakar kepada komuniti melalui entiti badan kerajaan/bukan kerajaan seperti perundingan halal, perubahan Islam, pakar rujuk zakat dan wakaf, astronomi dan penasihat Syariah kewangan dan keluarga Islam, pakar rujuk turath dan hadis turut menjadi fokus utama. Penyelidikan dan pembangunan produk dan teknologi bersama pihak Jaringan Industri. Pengkomersilan harta intelek universiti atau harta intelek bersama Jaringan Industri. Sebagai kayu pengukur, ACIS juga telah merangka Pelan Jaringan ACIS-Jaringan Industri untuk memantau segala bentuk pencapaian KPI fakulti dan KPI Bahagian Transformasi Universiti (BTU) supaya objektif mencapai sasaran.

Maklumat daripada hasil, ganjaran dan risiko yang telah dikumpul untuk setiap program, amat berguna untuk merangka dan **menambahbaik** program di masa hadapan. Pihak ACIS juga telah mengambil langkah proaktif rentetan sepanjang pandemik Covid-19. Antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil, ialah seperti menjalankan program untuk Jaringan Industri dan masyarakat pula difokuskan kepada program untuk membantu agihan makanan asasi 'Food Bank Pelajar Asnaf ACIS' oleh Yayasan Budi Ihsan Malaysia kepada pelajar yang amat terdesak, mengagihkan komputer riba oleh Yayasan Rizalman Ibrahim untuk pelajar B40, bantuan 'one off' sebanyak RM1600 untuk Usahawan Pelajar seramai 16 kumpulan. Disamping itu, Jawatankuasa Bencana UiTM (JBU) telah diwujudkan melalui kerjasama ACIS, Pusat zakat, sedekah dan wakaf serta wakil Industri Next Green Global Bhd. yang mana bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah dan risiko yang dihadapi terutamanya untuk pelanggan. Segala tindakan pantas telah diambil oleh Jawatankuasa Bencana UiTM (JBU) bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelanggan agar **dipantau** dan dibantu segera mungkin.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) komited untuk menawarkan perkhidmatan yang berkualiti, beretika dan berintegriti kepada **kumpulan sasaran** yang merangkumi pelajar, kakitangan, alumni dan pemain industri UiTM turut boleh mendapat manfaat dari khidmat yang ditawarkan ACIS menerusi piagam pelanggan yang dimaterai. Pendekatan ACIS menumpu kepada perkara berikut:

1. Menawarkan **kursus dan program akademik** berorientasikan Islam kepada komuniti.
2. Menawarkan **khidmat bimbingan dan nasihat** secara individu dan kelompok melalui sesi kuliah di masjid-masjid disekitar Selangor.
3. Menyertai **khidmat kesukarelawan diperingkat negara dan antarabangsa** untuk membantu dan meringankan beban msyarakat yang memerlukan.
4. Membimbing pelajar melalui **kekuatan alumni berdasarkan kepakaran dan perkongsian pengalaman** dalam industri,

Sebaliknya, untuk membolehkan ACIS melaksanakan Piagam ini dengan cekap dan berkesan, Kerjasama daripada semua kategori pelanggan termasuklah kelompok alumni, komuniti dan kesukarelawan amatlah diperlukan menerusi perkara berikut:

1. Memahami segala hak pelanggan dalam piagam ini.
2. Mematuhi segala undang-undang, arahan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.
3. Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.

ACIS menggunakan beberapa pendekatan untuk menjalinkan kerjasama terhadap beberapa bidang tumpuan khususnya dari aspek kepakaran dan khidmat sosial yang boleh dimanfaatkan oleh kumpulan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Antaranya ialah:

1. Mengenalpasti kelompok alumni, komuniti dan kesukarelawan yang mempunyai kepentingan bersama Industri dengan ACIS. (***Rujuk Lampiran 3.2.1***)
2. Meningkatkan peranan ACIS dengan menjalinkan kerjasama bersama alumni yang kini berada dalam pelbagai sektor seperti sektor awam, korporat, industri, atau menjawat jawatan utama dalam syarikat-syarikat utama dalam negara. (***Rujuk Lampiran 3.2.2***)
3. Mempromosi kepakaran dan kemahiran ACIS kepada pihak industri/ institusi melalui media massa, media cetak, media elektronik, penerbitan akademik dan lain-lain. (***Rujuk Lampiran 3.2.3***)
4. Memberikan khidmat sosial melalui Jaringan Industri kepada alumni & komuniti menerusi aktiviti kesekuralewanan. (***Rujuk Lampiran 3.2.4***)
5. Mengoptimumkan penggunaan sistem teknologi maklumat sebagai inovasi saluran berkongsi kepakaran ACIS kepada Jaringan Industri (***Rujuk Lampiran 3.2.5***)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_T01_TB02_20231_LAMPIRAN 3.2.1 LAPORAN PROGRAM KEMBARA KORBAN UiTM-YBIM \[13 JULAI 2022\].pdf](#)
2. [F0052_T01_TB02_20232_LAMPIRAN 3.2.2 ACIS BERSAMA ALUMNI DAN INDUSTRI.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB02_20233_LAMPIRAN 3.2.3 KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN ACIS BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)

-
4. [F0052_T01_TB02_20234_LAMPIRAN 3.2.4_LAPORAN PROGRAM SANTUNI MUALLAF JEPUN ACIS-JDC 2022.pdf](#)
 5. [F0052_T01_TB02_20235_LAMPIRAN 3.2.5_INOVASI ACIS BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data melibatkan jaringan industri disaring dan disimpan melalui sistem yang efektif supaya setiap dokumen dicatatkan, terbukti dan disimpan dengan rapi. Berikut adalah metode yang digunakan oleh ACIS dalam **pengumpulan, simpanan dan perluasan (kenalpasti)** jaringan industri:

a) Setiap program/ aktiviti yang melibatkan industri dibuat pelaporan berasaskan kepada format yang telah disediakan oleh PJI-ACIS melalui sistem SMART. Sistem ini digunakan sebagai rujukan bagi perekodan data seluruh aktiviti di UiTM melibatkan program bersama industri (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.1**).

b) Mesyuarat berkala bersama PIC yang terlibat dalam pelaksanaan program/ aktiviti MOU-MOA bagi mendapatkan maklumat terkini agar semua perancangan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat Eksekutif Fakulti (MPE) juga wujud bagi membincangkan perangkaan penambahan jalinan MOU-MOA bersama pihak industri yang berpotensi. (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.2**).

c) Koordinator Pusat Jaringan Industri ACIS membuat pelaporan penuh kepada pengurusan ACIS (Timbalan Dekan Pusat Jaringan Industri (PDPJI) status/perkembangan kerjasama dengan pihak industri melalui Mesyuarat Pentadbiran Fakulti (MPD) yang diadakan setiap akhir bulan (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.3**).

d) Jalinan industri dimulakan melalui pensyarah ACIS yang mempunyai hubungan dengan mana-mana industri melalui MoU dan MoA. Wujud juga hebahan dalaman ACIS untuk menggerakkan jalinan bersama industri menerusi kenalan masing-masing.

e) Pelantikan penyelaras Bahagian Transformasi Universiti yang sentiasa mengemaskini data yang terhasil daripada jaringan industri melalui MOU/MOA dan program yang dilaksanakan (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.4**).

f) Pusat Jaringan Industri akan membuat analisa keberkesanan aktiviti kerjasama dengan industri. Borang ini diedarkan kepada pelanggan UiTM yang terdiri daripada pelajar, staf dan komuniti sebaik selesai sesuatu program/projek.

g) Laporan pemakluman hasil mesyuarat melibatkan data dapatan hasil kerjasama dengan industri dimuat naik ke dalam Google Drive untuk rujukan semua pihak PJI ACIS.

h) Semua data pelanggan UiTM yang terdiri daripada pelajar dan alumni diakses melalui sistem SIMS yang menyimpan maklumat peribadi pelajar daripada pelbagai latar belakang. Dari segi data kepuasan pelanggan, pelajar dikehendaki menilai para pensyarah dari segi kualiti dan kepuasan. Terdapat satu platform yang dikenali sebagai SUFO, yang mewajibkan pelajar untuk menilai para pensyarah bagi tujuan penambahbaikan mutu PdP ACIS, UiTM khususnya .

i) Hubungan baik antara ACIS dan industri juga terbentuk daripada Collaborative Group Collaborative teaching (CGCT) sebagai **kumpulan sasar**, justeru pengurusan CGCT telah menetapkan markah tertinggi bagi bentuk CGCT yang dijalankan bersama pihak industri tempatan mahupun antarabangsa. Segala bentuk kerjasama bersama pihak industri juga diuruskan dengan sistematik oleh organisasi CGCT ACIS melalui sistem yang tersusun (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_3.3.5**).

j) Pengurusan geran yang ditaja oleh pihak Industri seperti Yayasan RI, Maybank dan Yayasan Budi Ihsan Malaysia adalah melalui Sistem UiTM Grant Management System (UGMS). Sistem tersebut lengkap bagi mengawal selia implikasi kewangan dan progres penulisan bagi ahli kumpulan penyelidik yang berjaya.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB03_20231_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.1.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB03_20232_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.2.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB03_20233_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.3.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB03_20234_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.4.pdf](#)
5. [F0052_T01_TB03_20235_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelanggan yang menjadi tumpuan bagi operasi ACIS terbahagi kepada **4 kategori**, pelajar, kakitangan, alumni dan pemain industri. **Kebaikan dan ganjaran** yang dapat difokuskan kepada mereka berdasarkan pelaksanaan jaringan industri adalah seperti berikut:

i. Bantuan dan sumbangan

Kerjasama bersama industri akan memperluaskan peluang untuk menyalurkan sebarang bentuk bantuan dan sumbangan berkaitan pelanggan berdasarkan kepada situasi-situasi tertentu. Antaranya ACIS telah memberikan bantuan kepada penajaan pelajar antarabangsa ke UiTM (***Rujuk lampiran 3.4.1.1***). ini akan memberikan manfaat yang besar kepada mereka untuk mengurangkan beban kewangan bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain daripada itu, ACIS juga telah memeterai kolaborasi bersama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) bagi program agihan daging korban kepada komuniti asnaf (***Rujuk lampiran 3.4.1.2***). Menerusi kolaborasi ini, manfaat kepada warga asnaf dapat diperluaskan dengan agihan daging korban tersebut.

-

ii. Peluang penyelidikan

Kerjasama bersama industri juga akan membuka ruang pemantapan kompetensi kakitangan ACIS yang juga merupakan pelanggan tumpuan ACIS bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan berkualiti. Ini boleh dilaksanakan menerusi kolaborasi Bersama industri yang memberikan peluang penyelidikan kepada kakitangan ACIS (***Rujuk lampiran 3.4.1.3***). Penyelidikan yang dijalankan akan memberikan peluang kepada kakitangan ACIS untuk terlibat dengan perbincangan akademik kontemporari bagi memastikan mereka kekal kompeten dengan keadaan semasa. Selain daripada itu, ACIS telah melakukan kunjungan hormat kepada pihak Institut Kimpimpinan & Pembangunan (ILD), UiTM bagi membuka ruang Latihan yang bersesuaian kepada kakitangan ACIS (***Rujuk Lampiran 3.4.1.4***)

iii. Penganjuran program kolaborasi CSR

Menerusi kerjasama yang dijalinan, pelbagai program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) dapat dianjurkan bersama yang dapat mengeratkan hubungan bersama komuniti. Antaranya penganjuran Bengkel TOT Guru & Warden Pembimbing Muallaf yang menjadi ruang perkongsian kepakaran ACIS kepada golongan pendidik Muallaf (***Rujuk Lampiran 3.4.1.5***). Kolaborasi ini seterusnya akan diperluaskan dengan mengadakan program langsung bersama golongan muallaf di lapangan pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_T01_TB04_TC01_20231_ACIS_TUMPUAN_3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC01_20232_ACIS_TUMPUAN_3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC01_20233_ACIS_TUMPUAN_3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB04_TC01_20234_ACIS_TUMPUAN_3.4.1.4.pdf](#)
5. [F0052_T01_TB04_TC01_20235_ACIS_TUMPUAN_3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Didalam usaha ACIS memperkasakan usaha mempertingkatkan hubungan bersama industri, ACIS juga tidak terlepas dari berhadapan risiko-risiko tersendiri. Antara **risiko** yang menjejaskan pelaksanaan bagi pencapaian yang dijadikan tumpuan antaranya:

i. **Kekurangan inisiatif bagi melaksanakan MoA**

Disamping pelbagai perjanjian Mou yang berjaya dimaterai sepanjang 2022, laporan aktiviti ACIS pada tahun 2022 juga merekodkan kekurangan pelaksanaan MoA antara ACIS dan industri. Ini menunjukkan keperluan untuk memberikan latihan yang sewajarnya kepada kakitangan ACIS agar dapat menjalankan dan menjana idea bagi merencanakan program seumpamanya yang dapat mengukuhkan hubungan antara ACIS dan industri. Justeru, pihak ACIS telah menganjurkan bengkel Latihan kepada kakitangan untuk memberikan persiapan sewajarnya kepada kakitangan ACIS bagi tujuan tersebut (***Rujuk lampiran 3.4.2.1***)

ii. **Promosi ACIS kepada industri yang perlu dikembang giatkan**

Berdasarkan laporan aktiviti 2022 yang menunjukkan bilangan MoU dan MoA yang kurang memberangsangkan, menunjukkan perlunya kepada usaha untuk mempromosikan ACIS kepada pemain industri dengan lebih giat lagi. Usaha ini tidak harus tertumpu hanya kepada pemain industri tempatan, malah juga kepada pemain industri peringkat global. Maka yang demikian, pihak ACIS mempergiat usaha untuk memperluaskan promosi ACIS bersama industri dengan mengadakan pelbagai siri kunjungan hormat ke pelbagai sektor yang merangkumi perindustrian tempatan dan global (***Rujuk lampiran 3.4.2.2***). Ini menjadi platform untuk memperkenalkan tujahan ACIS kepada pemain industri agar dapat mengenalpasti ruang kerjasama yang berkaitan bagi menggalakkan lebih banyak MoU & MoA dapat dimaterai.

iii. **Fasiliti ACIS yang kurang memuaskan**

Keadaan fasiliti ACIS yang kurang memuaskan sedikit sebanyak memberikan kesan kepada maklum balas yang kurang memuaskan daripada pelanggan ACIS antaranya pelajar dan kakitangan ACIS. Justeru itu, kolaborasi bersama industri memainkan peranan penting agar usaha untuk menambah baik fasiliti ACIS dapat disegerakan agar pelanggan ACIS dapat menikmati pengalaman yang baik dan selamat. Oleh itu, Kerjasama bersama industri dikembang luaskan untuk mencari pendanaan yang sewajarnya bagi tujuan tersebut antaranya dengan mengadakan pertemuan bersama Yayasan Rizalman Ibrahim dan persatuan Alumni (***Rujuk lampiran 3.4.2.3***).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB04_TC02_20231_ACIS_TUMPUAN_3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC02_20232_ACIS_TUMPUAN_3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC02_20233_ACIS_TUMPUAN_3.4.2.3.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap prestasi ACIS menerusi laporan rasmi yang dikeluarkan, pihak pengurusan kanan ACIS telah melaksanakan beberapa pelan tindakan penambahbaikan prestasi sebagai **maklum balas** pelanggan seperti berikut:

i. Mengadakan sesi pertemuan bersama Kakitangan ACIS

Bagi mendapatkan kerjasama optimum daripada kakitangan ACIS terhadap kolaborasi yang dijalinan oleh ACIS bersama industri, kepimpinan kanan ACIS telah mengambil inisiatif untuk melakukan pertemuan bersama kakitangan ACIS bagi menyalurkan maklumat berkaitan Kerjasama industri yang boleh dimanfaatkan oleh kedua belah pihak. Disamping itu juga pihak kepimpinan kanan turut memperluaskan sesi pertemuan bersama kakitangan ke kampus UiTM cawangan-cawangan bagi memberikan pendedahan terhadap peranan mewujudkan jaringan industri yang mantap bagi mencapai kecemerlangan yang optimum (**Rujuk lampiran 3.4.3.1**)

ii. Lawatan hormat

Analisa manfaat yang diperolehi menerusi jaringan industri pada tahun-tahun sebelumnya menjadi tunjang kepada gerak kerja jaringan industri baharu yang perlu terus diperkasakan. Untuk tahun 2022, ACIS terus menggerakkan usaha untuk menjalinan hubungan yang erat bersama pihak industri yang berpotensi memberikan nilai tambah kepada ACIS. Selain daripada itu, ianya menjadi usaha untuk memperkenalkan potensi ACIS kepada pihak industri bagi mengajak lebih banyak pemain industri untuk memeterai kolaborasi bersama ACIS, samaada di peringkat kebangsaan ataupun global (**Rujuk Lampiran 3.4.3.2**)

iii. Mengadakan majlis keraian Staf dan pelajar

Pihak pengurusan kanan ACIS juga mengambil inisiatif menganjurkan majlis keraian staf yang diadakan bertujuan meraikan kakitangan ACIS yang memaparkan perkhidmatan yang cemerlang. Termasuk didalam pengukuran kecemerlangan ini adalah staf yang berjaya menunjukkan kecemerlangan berkaitan aktiviti kolaborasi industri antaranya menjadi PIC MOU signing, melaksanakan kajian dan berkongsi kepakaran bersama industri (**Rujuk lampiran 3.4.3.3**). Keraian juga diberikan kepada pelajar yang cemerlang yang juga merupakan sebahagian daripada pelanggan tumpuan ACIS (**Rujuk lampiran 3.4.3.4**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB04_TC03_20231_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB04_TC03_20232_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB04_TC03_20233_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.3.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB04_TC03_20234_ACIS_TUMPUAN_3.4.3.4.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kerberkesanan daripada **inovasi** yang diusahakan dan diolah telah membuahkan hasil yang amat signifikan seperti mana berikut:

- 1- Bagi memastikan keberkesanan setiap tindakan yang dilakukan terhadap hubungan antara ACIS bersama kelompok industri, langkah penting yang dilakukan adalah dengan mengemaskini jawatankuasa Jaringan Industri ACIS. Ia bagi memudahkan penyebaran dan pengumpulan maklumat kepada pihak industri dapat dijalankan dengan baik berdasarkan medium yang efektif (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.1**).
- 2- ACIS turut memperkenalkan budaya penyampaian ilmu dan perkongsian pengalaman oleh pihak industri kepada pelanggan UiTM yang terdiri daripada pelajar, alumni, komuniti, dan staf menerusi siri webinar dan CGCT. Penyampaian adalah bagi tujuan ilmu kepada semua pelanggan UiTM (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.2**).
- 3- Menerusi penganjuran Zakat, Waqf and Islamic Philanthropy (ZAWFI 2022); Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Invention, Innovation and Design Exposition of ZAWFI (IID @ ZAWFI 2022) sebagai medan untuk para peserta bersaing mempamerkan karya inovasi bagi kelestarian dan kebaikan ummah dalam bidang yang pelbagai. ZAWFI 2022 telah ditaja oleh Pusat Pungutan Zakat-MAIWP, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.3**).
- 4- Melalui dana yang disalurkan oleh pihak industri, staf ACIS juga dikecualikan atau diringankan dari segi bayaran yuran untuk menyertai penghantaran artikel dan inovasi di peringkat dalam mahupun luar. Universiti. Bantuan ini meringankan beban pensyarah ACIS yang ingin menyertai inovasi dan menghantar artikel yang sebahagiannya mengenakan caj yang agak tinggi (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.4**).
- 5- Hasil integrasi antara ACIS dengan pihak industri, ada program yang menumpukan kepada pembangunan asnaf ACIS. Oleh itu, terdapat inovasi yang melibatkan penyimpanan dan pencarian data asnaf di bawah ACIS menerusi inovasi sistem yang dibangunkan oleh pihak Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) iaitu E-Zakat (**ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_T01_TB05_20231_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.1.pdf](#)
2. [F0052_T01_TB05_20232_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.2.pdf](#)
3. [F0052_T01_TB05_20233_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.3.pdf](#)
4. [F0052_T01_TB05_20234_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.4.pdf](#)
5. [F0052_T01_TB05_20235_ACIS_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN 3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi pencapaian untuk Kriteria 4, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) telah mewujudkan mekanisme yang komprehensif serta mapan. Hal ini kerana, ACIS telah menjalankan amalan pengurusan terbaik yang berasaskan kepada model PDCA; iaitu *Plan* (Rancang), *Do* (Laksana), *Check* (Semak) dan *Act* (Tindak) untuk setiap Kriteria Proses. Melalui pelaksanaan ini, setiap Kriteria Proses dapat dipastikan agar mencapai kepada sasaran, pengenalpastian kelompongangan serta langkah pembetulan dan penambahbaikan dalam memantapkan lagi aspek Jaringan Industri di bawah PTJ ACIS.

Dari sudut Pendekatan (*Approach*), ACIS telah menjadikan polisi kerajaan seperti Pelan Pembangunan Malaysia 2015-2025 sebagai gagasan utama serta falsafah yang dipegang sebagai batu asas dalam mencapai sasaran. Hal ini penting kerana ACIS mendokong inisiatif kerajaan dalam memperkasakan UiTM sebagai institusi pengajian tinggi awam yang berperanan dalam sinergi bersama industri. Pendekatan ACIS melalui model PDCA dapat diringkaskan sebagai: Perancangan-menjadikan Polisi Negara sebagai falsafah dan batu asas; Pelaksanaan-Memastikan lapangan yang menjadi kekuatan kepada ACIS untuk dicapai khususnya tanggungjawab sosial; Semak-Memastikan pihak yang dipertanggungjawabkan maklum dengan bidang tugas; dan Tindak-memastikan penyaluran maklumat disediakan untuk tujuan komunikasi semua pihak.

Dari sudut Perluasan (*Deployment*), ACIS telah memperlihatkan bahawa pelaksanaan telah mencapai kepada penglibatan kepada pelbagai sistem yang disediakan oleh UiTM. Melalui metode PDCA, pengurusan ACIS dapat diringkaskan sebagai: Perancangan-mengenalpasti sistem-sistem yang disediakan oleh UiTM dalam mencapai sasaran; Laksana-menggunakan analisis deskriptif termasuk pengiraan frekuensi dan pertambahan Performance Indicator (PI) secara suku tahunan; Semak-Memastikan data direkodkan dalam sistem NILAMs, SMART, Prime Star Rate; Tindak-Diwujudkan jawatankuasa untuk memantau perjalanan rekod sasaran.

Dari sudut Pembelajaran (*Learning*), ACIS telah membuktikan pengurusan berkonsepkan PDCA dijalankan dengan baik bagi ketiga-tiga aspek di bawahnya. Pada aspek pemantauan, ACIS berjaya mewujudkan mekanisme pemantauan yang efektif. Selain itu, pada aspek risiko, ACIS menunjukkan bahawa kawalan risiko telah dirangkakan. Manakala aspek penambahbaikan, ACIS dilihat bersedia memperincikan pelan tindakan untuk menambahbaik kekurangan yang dikenalpasti. PDCA untuk pengurusan kriteria ini dapat diringkaskan kepada: Perancangan-Pengumpulan dan penganalisaan maklumat; Laksana-Menggerakkan mesyuarat dengan pihak yang berkaitan; Semak-Pemantauan berdasarkan pencapaian berasaskan *Key Performance Index* (KPI); Tindak-Mewujudkan 26 buah program kemasyarakatan di bawah *University Social Responsibility* (USR) dan *Knowledge Transfer Program* (KTP).

Bagi sudut Integrasi (*Integration*) pula, ACIS telah menunjukkan bahawa pengamalan dan pembudayaan telah berkembang dan tidak terhenti pada PTJ semata-mata. Berdasarkan pengurusan yang dijalankan menggunakan metode PDCA, gerak kerja ACIS dapat diringkaskan kepada: Perancangan-Perolehan data-data terdahulu yang diambil secara suku tahunan untuk dianalisis; Laksana-ACIS telah membudayakan penglibatan warga PTJ, alumni serta entiti di bawah UiTM berasaskan ikatan ukhwah; Semak-memastikan maklumat terkini diperolehi secara *'real-time'* dan dikemaskini kepada warga PTJ, alumni dan entiti di bawah UiTM yang terlibat; Tindak-menjayakan kolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan dan perancangan yang sistematik amat penting bagi pihak pengurusan ACIS untuk meningkatkan kebolehpayaan jabatan bagi memenuhi objektif yang telah disasarkan. Pengumpulan data dan maklumat menjadi asas kepada ukuran prestasi jabatan bagi membuat keputusan yang lebih tepat dan konsisten. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri.

Berasaskan bidang tumpuan yang telah dipilih iaitu Jaringan Industri, ACIS telah menumpukan kepada aspek jaringan kerjasama dengan pihak industri. Jaringan kerjasama dengan industri melibatkan pensyarah, staf pentadbiran dan juga para mahasiswa dalam usaha kolaborasi di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa. Jaringan kerjasama ACIS dengan pihak luar terutama industri dilihat sangat penting dalam memperkenalkan ACIS sebagai sebuah fakulti dan entiti pendidikan yang mampu melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat global selaras selaras agenda nasional membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), sekali gus memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Kriteria pengukuran yang digunakan bagi kali ini ialah untuk mencapai target Petunjuk Prestasi (PI) untuk bidang jaringan industri yang telah ditetapkan bagi ACIS sebagaimana yang ditunjukkan dalam **rajah 4.1 [lampiran]**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_A01_AB02_20231_fadziani_bukti_RAJAH 4.1_.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setiap bulan Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) akan membentangkan pencapaian ACIS di dalam mesyuarat Pengurusan Dalaman. Mesyuarat ini akan dihadiri oleh Pengurusan Eksekutif tertinggi dan Pengurusan Dalaman. Segala maklumat berkenaan PI ACIS akan dibincangkan dan di minitkan. Bagi PI yang tidak mencapai sasaran akan dibahasakan dan rancangan strategik akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran suku seterusnya.

Rajah 4.3.1 menunjukkan sasaran dan pencapaian Jaringan Industri ACIS pada tahun 2022. Kaedah penilaian dibuat secara deskriptif dengan mengambilkira pertambahan frekuensi dan peningkatan peratus pencapaian setiap 'performance indicator' (PI). Data dikumpul dan dianalisa secara suku tahunan (quarterly) iaitu empat kali setahun. Prestasi ACIS dianalisa berdasarkan skor warna yang telah ditetapkan oleh pihak BTU sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3.2.

Secara umumnya, prestasi ACIS dalam Jaringan Industri ACIS pada tahun 2022 adalah memuaskan 6/10 *performance indicator* (PI) daripada keseluruhan *indicator* menunjukkan pencapaian 100 peratus iaitu sasaran telah dicapai. Walaubagaimanapun, ada beberapa PI masih jauh dari sasaran dan memerlukan usaha penambahbaikan yang lebih agresif bagi meningkatkan sasaran yang ditetapkan seperti di PI 63, 64, 81 dan 83 (Rujuk Rajah 4.3.2)

Pengurus Projek yang telah dilantik daripada HEA, HEP, dan ICAN untuk memastikan data-data aktiviti yang telah dijalankan dapat direkodkan di dalam Sistem NILAMs (MoU), sistem SMART (HEP), PRIME Star Rate (komuniti) (Rajah 4.3.3) dan dipantau menerusi jawatankuasa yang bertanggungjawab seperti di Rajah 4.3.4

Selain itu, PI dan aktiviti warga ACIS dalam aspek Jaringan Industri yang melibatkan pelajar atau komuniti boleh diakses oleh umum menerusi platform Facebook Media Rasmi ACIS dan E-buletin ACIS yang boleh diakses menerusi laman web ACIS (Rajah 4.3.5)

Berdasarkan Rajah 4.3.5(1), bahagian Korporat Akademi Pengajian Islam kontemporari telah membuat pantauan terhadap Media Facebook rasmi ACIS pada bahagian '*post reach*', '*post engagement*' dan '*New page like*' untuk melihat jumlah pelawat acis di Facebook. Tujuan ini dilaksanakan adalah untuk meluaskan capaian maklumat supaya setiap aktiviti jaringan industri yang telah dilaksanakan dapat dimaklumkan diperingkat global

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB03_20231_Rajah 4.3.1 PI Jaringan Industri.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB03_20232_Rajah 4.3.2 Skor PI ACIS.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB03_20233_Rajah 4.3.3 Sistem Maklumat bagi Jaringan Industri.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB03_20234_Rajah 4.3.4 Carta Organisasi PJI.pdf](#)
5. [F0052_A01_AB03_20235_Rajah 4.3.5 Peluasan Hebahan Maklumat Melalui Media Sosial.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

ACIS mengumpulkan pelbagai jenis data dan maklumat di peringkat jabatan merangkumi bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Pengumpulan dan penganalisan data dibuat secara berkala untuk tujuan penambahbaikan berterusan. Semua tindakan dan penambahbaikan hasil daripada pengukuran dan analisa data diambil kira dalam merangka dan memantapkan peranan ACIS di samping berusaha mencapai PPU yang telah ditetapkan. Pencapaian ini dipantau oleh pegawai bertanggungjawab terdiri daripada koordinator, penyelaras dan staf yang dilantik. Lampiran 4.4.1 menunjukkan ACIS mempunyai organisasi yang bertanggungjawab dalam mengelola PJI manakala lampiran 4.4.1.2 menunjukkan mesyuarat bidang tumpuan dilaksanakan secara berkala untuk memantau pencapaian ACIS. Selain itu, Mesyuarat Pengurusan Dalam ACIS dilaksanakan 3 kali pada tahun 2022 dan Mesyuarat Eksekutif Fakulti dilaksanakan 5 kali pada tahun 2022, untuk memastikan elemen pemantauan kepada bidang tumpuan dilaksanakan.

Bagi memudahkan pihak pengurusan ACIS memantau pencapaian prestasi bagi PI iaitu mencapai sasaran di dalam Research Industry, MoU & MoA dan KTP pihak pengurusan UiTM-ICAN telah menetapkan KPI bagi setiap fakulti serta jabatan Secara keseluruhannya, ACIS telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam bidang tumpuan yang dipilih (Rujuk lampiran 4.4.1.3). Sebagai contoh di dalam program kemasyarakatan, ACIS telah menonjolkan peningkatan ketara pada tahun 2022 dengan kewujudan 26 buah program kemasyarakatan yang dilaksanakan termasuklah University Social Responsibility (USR) dan Knowledge transfer Programme (KTP). (Rujuk lampiran 4.4.1.4)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_A01_AB04_AC01_20231_Bukti_LAMPIRAN_4.4.1_Carta_organisasi_PJI.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC01_20233_Bukti_LAMPIRAN_4.4.1.3.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB04_AC01_20234_Bukti_LAMPIRAN_4.4.1.4.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB04_AC01_20234_Bukti_LAMPIRAN_4.4.1.2.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di ACIS telah dipertanggungjawabkan kepada Penyelaras Risiko yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko dan langkah pencegahan yang bersesuaian. Penyelaras risiko bertanggungjawab menyediakan dan mengemaskini daftar risiko ACIS.

Manakala di dalam aspek pengurusan analisa, antara cabaran yang dihadapi oleh bidang tumpuan ialah data dan maklumat yang ada di ACIS tidak berpadanan dengan laporan prestasi BTU. Ketidaksepadanan (mismatch) ini boleh berlaku apabila terdapat kemungkinan staf ACIS yang tidak mengemaskini penghasilan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan mereka kepada Penyelaras BTU sehingga menatijahkan isu “under-reporting”. Oleh itu, penyelaras BTU akan meminta PIC program untuk memajukan laporan akhir program seterusnya, Penyelaras akan melaporkan pogram atau PI yang telah mencapai sasaran di dalam mesyuarat pengurusan dalaman untuk di analisa. Manakala impak program-program yang dilaksanakan oleh PIC program jugak akan dianalisa menerusi soal selidik di akhir program. Maklumbalas daripada peserta program seperti program KTP dan USR amat diperlukan bagi penambahbaikkkan di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB04_AC02_20231_Bukti_LAMPIRAN 4.4.2.1_LANTIKAN Penyelaras Risiko.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC02_20232_Bukti_LAMPIRAN 4.4.2.2_Pelan tindakan daftar risiko.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB04_AC02_20233_Bukti_LAMPIRAN 4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB04_AC02_20234_Bukti_LAMPIRAN 4.4.2.4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan ACIS sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan dengan menganalisa hasil tindakan yang telah dilakukan dalam aspek Jaringan Industri dan Keusahawanan. Hasil analisa tersebut dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) ACIS untuk dikenalpasti ruang yang boleh ditambahbaik dari masa ke semasa.

Hasil penganalisaan tersebut dikongsi kepada semua warga ACIS agar mereka maklum dan tahu aspek-aspek yang boleh mereka sumbangkan untuk penambahbaikan. Staf ACIS digerakkan secara lebih agresif untuk melakukan jaringan dengan pelbagai industri bagi mengadakan jaringan kerjasama dalam semua aspek termasuklah penyelidikan, kolaborasi penganjuran konferensi, penerbitan mahupun aktiviti lain yang boleh memberikan manfaat kepada kedua belah pihak.

Sebagai langkah penambahbaikan berterusan, jaringan yang telahpun wujud diperluaskan skopnya kepada potensi hubungan dua hala yang lebih mantap seperti melanjutkan tempoh MoU sedia ada, menaiktaraf MoU kepada MoA dalam pelbagai aspek juga kerjasama dalam aktiviti akademik dan kemanusiaan. Jaringan sedia ada yang telah wujud di kalangan staf akademik juga dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kerjasama berterusan. Bentuk jaringan seperti rakan universiti, rakan industri, mantan penyelia dan seumpamanya mampu mempercepatkan lagi proses menambah bilangan kerjasama di antara ACIS dan industri

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB04_AC03_20231_Bukti_LAMPIRAN 4.4.3.1_RINGKASAN LAWATAN KERJA 2022.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB04_AC03_20232_Bukti_LAMPIRAN 4.4.3.2.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

ACIS sentiasa memastikan peningkatan prestasi dengan melakukan penambahbaikan berterusan. Hasil penganalisaan data pencapaian ACIS yang diukur setiap suku tahunan diteliti bagi menghasilkan strategi penambahbaikan prestasi, seterusnya mencapai matlamat ACIS.

ACIS telah membudayakan penglibatan staf PTJ dan alumni dalam aspek Jaringan Industri. Pihak ICAN, HEA dan HEP berkerja dalam sinergi untuk memastikan penambahbaikan program dapat dijamin. Berdasarkan analisis data-data pencapaian lalu, ini telah dijadikan kayu ukur untuk menambah baik program-program ACIS yang seterusnya.

Staf akademik dan pentadbiran ACIS merupakan tulang belakang dalam usaha menjayakan program-program fakulti. Melihat kepada kekuatan ini, ACIS memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam membentuk staf-staf untuk memenuhi pencapaian ACIS. Hal ini dapat diukur daripada menilai impak inisiatif yang diusahakan oleh fakulti untuk menambak baik potensi semua staf. Antaranya, **mengoptimumkan medium komunikasi dan pemakluman** yang disampaikan kepada staf akademik untuk sentiasa 'update' dengan pencapaian semasa fakulti. Contohnya, *group Whatsapp* menjadi salah satu platform untuk pihak PJI menyampaikan pemakluman kepada semua staf. Pemakluman dalam *group Whatsapp* ini akan memberikan inspirasi dan kefahaman kepada semua staf untuk mencapai hala tuju fakulti.

Selain itu, Dekan ACIS menjadikan pertemuan berkala secara bersemuka dengan staf akademik sebagai platform yang efisien untuk penyampaian maklumat dan memaksimumkan potensi setiap pensyarah untuk melibatkan diri dengan program-program jaringan industri. Hal ini diberi penekanan sebagai salah satu inisiatif yang dapat membantu pencapaian PI fakulti. (Lampiran 4.5.1)

Sehubungan dengan itu, dalam menambah baik visibiliti ACIS dan UiTM di peringkat global, ACIS telah memberikan sepenuh galakan kepada staf untuk **melaksanakan kolaborasi dengan universiti dengan industri dari dalam dan luar negara**. Antaranya adalah dengan mengenal pasti pihak yang telah membuat MoU dengan UiTM. Selanjutnya, ACIS berusaha untuk membuat program-program dengan pihak tersebut, serta membuat MoA bersama. (Lampiran 4.5.2)

Secara umumnya, dari aspek pelaksanaan misi dan visi fakulti, ACIS telah **menjayakan bengkel Strategic and Succession Planning ACIS 2025** untuk membimbing staf untuk sama-sama merealisasikan hala tuju UiTM sebagai GRU 2025. (Lampiran 4.5.3)

Tambahan daripada itu, pencapaian ACIS pada tahun 2022 mencerminkan penambahbaikan yang cemerlang di fakulti. Antara pencapaian yang menunjukkan hasil kerja yang cemerlang dari warga ACIS adalah **perolehan penganugerahan geran dari industri-industri**. Perolehan dari industri-industri membuktikan pembudayaan penambahbaikan yang cemerlang dari segi kualiti penyelidikan dan penerbitan.

Kerjasama dengan pihak industri telah menghasilkan pelbagai impak kepada keseluruhan PTJ malah juga memberikan manfaat berganda kepada industri di luar UiTM. Ini boleh dilihat di dalam Lampiran 4.5.5 dimana kerjasama industri menghasilkan sebanyak RM 353,440.00 dimanfaatkan oleh pensyarah dan industri. Manakala biasiswa pelajar dan program fakulti berjaya meraih RM213,857.30. Keseluruhan pencapaian dengan nilai RM567,297.30 ini amat membanggakan ACIS malah UiTM secara khususnya.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_A01_AB05_20231_LAMPIRAN 4.5.1.pdf](#)
2. [F0052_A01_AB05_20232_LAMPIRAN 4.5.2.pdf](#)
3. [F0052_A01_AB05_20233_LAMPIRAN 4.5.3.pdf](#)
4. [F0052_A01_AB05_20234_LAMPIRAN 4.5.4.pdf](#)

5. [F0052_A01_AB05_20235_LAMPIRAN 4.5.5 GERAN-GERAN INDUSTRI ACIS 2021-2022.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Dalam usaha menjadikan ACIS sebuah organisasi kukuh dan sentiasa relevan, ACIS mengambil tindakan yang tersusun rapi dalam aspek pengurusan sumber tenaga manusia bermula dengan penentuan keperluan tenaga kerja, pengambilan tenaga kerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja dan kemajuan kerjaya tenaga kerja. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri. Pembinaan budaya kerja yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh dibina seawal perlantikan tenaga kerja sehingga tamat perkhidmatannya. Usaha ini diterjemahkan melalui Model Sistem 5P Holistik ACIS :Rujuk 5.4.1(1). Hasilnya, ACIS terus aktif berperanan penting dalam perkhidmatan selari dengan urus tadbir universiti. ACIS makin berkembang maju sebagai sebuah akademi sejak ditransformasikan dari CITU ke ACIS.

Pelaksanaan

Melalui Sistem 5P Holistik ACIS ini, penggunaan sumber manusia secara maksima dan efisien bagi penghasilan output kualiti cemerlang. ACIS memberi peluang kepada semua staf dalam persekitaran kerja kondusif untuk memastikan kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan dipenuhi di samping memberi perhatian kepada (pelanggan misi) dan warga UiTM.

Bagi memperkasakan Jaringan Industri, kompetensi sumber tenaga kerja dinilai melalui tiga elemen kompetensi:

- a. **Professional Competency**: menyemak kelayakan akademik, sijil profesional, pengiktirafan serta pengalaman dalam bidang yang diceburi.
- b. **Personel Competency**: menilai sahsiah rupadiri termasuk aspek komunikasi, penampilan, pengurusan masa dan berusaha ke arah penambahbaikan.
- c. **Technical Competency**: menilai kompetensi generik yang berkaitan secara langsung dengan tugas dan tanggungjawab.

Penghargaan dan pengiktirafan kepada staf diberi melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang termasuk penghargaan lisan dan keraihan. Staf yang baru berkahwin, mendapat cahayamata serta menyambut hari lahir turut diraikan. Staf yang sakit dan ditimpa ujian diziarahi bagi memberi sokongan moral. Pihak pengurusan turut menjemput rakan industri dan pemegang taruh untuk hadir ke majlis bagi merapatkan hubungan.

Pengurusan ACIS terbuka dalam menerima maklumbalas/aduan secara terus demi meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi. Pengurusan Sumber Manusia di ACIS juga memberi maklumbalas melalui pelbagai medium seperti peti cadangan, telefon dan aplikasi Whatapps/Telegram serta sosial media. Hasil daripada maklumbalas tersebut, ACIS melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti membuat perubahan organisasi dan bidang tugas, menambah bilangan staf serta menambahbaik sistem penyampaian dan infrastruktur.

ACIS juga telah melakukan beberapa inisiatif penting dalam melibatkan staf memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan industri dan juga keterlibatan dalam aktiviti Jaringan Industri. Ini terbina melalui MOU/MOA yang dihasilkan termasuk menggalakkan staf membina hubungan dan kerjasama dengan pihak yang berkepentinganserta geran penyelidikan yang diperolehi daripada rakan industri.

Pemantauan

Bagi aspek pemantauan di ACIS dilaksanakan melalui Audit Dalam dan Audit Luar. Unit Kulaiti

di ACIS membantu Pengurusan Kanan dalam membudayakan kualiti dalam perkhidmatan terutamanya yang melibatkan Jaringan Industri. Pada masa yang sama, ACIS juga mematuhi dasar, polisi serta pekeliling-pekeling yang dikeluarkan oleh pihak universiti termasuk juga kementerian serta agensi berkaitan seperti JAKIM.

Tindakan Penambahbaikan

ACIS sangat komited melaksanakan penambahbaikan terhadap sumber manusia dan perkhidmatan yang diberikan. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS serta diambil tindakan penambahbaikan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan dan pelaksanaan sumber manusia di ACIS adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2022 sebagaimana 11 sasaran aktiviti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Secara jelas perancangan strategik jangka panjang melibatkan KPI Pelan Strategi dengan mengenalpasti peranan tenaga kerja sebagai sistem sokongan dan nadi penggerak dalam memacu visi dan misi universiti. Amanat Naib Canselor memberi penekanan kepada peranan tenaga berkualiti yang menyumbang kepada jaringan industri dalam memberi perkhidmatan yang berprestasi tinggi. Ini tekankan dalam perancangan strategik tahunan yang dibuat oleh ACIS bagi merealisasikan amanat yang dipertanggungjawabkan secara menyeluruh. (Rujuk Lampiran 5.1.1)

Pihak pengurusan ACIS telah merangka strategik bagi meningkatkan kompetensi staf dengan menjalankan bengkel perancangan strategik yang dibuat. Bengkel perancangan strategik tersebut memperlihatkan visibiliti ACIS dan UiTM di peringkat global dengan mengadakan kolaborasi dengan universiti dan industri di luar negara selain menjadi penghubung untuk sinergi komuniti sebagai resolusi menyelesaikan isu-isu kemasyarakatan dalam menyalurkan kepakaran sedia ada. Model 5P Holistik ACIS (Lampiran 5.4.1(1) memperkukuhkan lagi kepakaran dan tenaga kerja berkualiti serta menyokong usaha UiTM menjadi Globally Renewed Universiti 2025.

Pengurusan ACIS telah merangka tiga pengkhususan strategi bagi jaringan industri yang melibatkan tiga kelompok iaitu komuniti, staf dan pelajar. Pengurusan ACIS melaksana perancangan tersebut kepada semua staf serta unit dibawah agar semua tenaga kerja berganding bahu serta bersedia berkhidmat untuk melengkapkan perkhidmatan cemerlang dalam organisasi. Perancangan ini melibatkan di semua peringkat pengurusan bawahan hingga ke atasan juga untuk semua tenaga kerja baharu termasuk UiTM cawangan tanpa membezakan mereka adalah pensyarah atau staf pentadbiran. Secara tidak langsung, tenaga kerja baharu dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efektif, efisien dan bermaklumat. (Rujuk Lampiran 5.1.2)

Kepakaran staf sediaada disalurkan kepada jaringan industri melalui setiap program yang dijalankan akan dikeluarkan surat lantikan sebagai penghargaan dalam sumbangan kepakaran dan tenaga yang diberikan dalam menjayakan aktiviti yang berlangsung sebagai contoh sumbang terhadap jaringan industri dalam membangunkan modal insan setempat. Terdapat program yang berjaya memberi sumbang yang besar terhadap masyarakat mendapat pengiktirafan diperingkat universiti dan juga diperingkat global. Antara program yang berjaya dilakukan adalah pogram KTP-PPA Pulau Pangkor menyumbang kepada perniaga setempat. (Lampiran 5.1.3) dan INHAC 2022: Lampiran 5.5(5) melibatkan industri luar negara.

Sejajar dengan menjayakan bidang tumpuan kepakaran ACIS, pihak pengurusan ACIS telah menyediakan beberapa peluang kemudahan geran dalaman sebanyak RM5,000.00. Selain itu ACIS juga mendapat sumbangan geran luar industri yang dapat membantu staf menjalankan kajian dalam mengembangkan kepakaran bagi bidang masing-masing seperti Mualamat, Ekonomi Islam, Halal dan Pendidikan Islam Kontemporari. Sumbangan ini diberikan kepada staf yang berminat untuk penyelidikan dan penulisan, ini secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada komuniti setempat. Persidangan peringkat antarabangsa juga dijayakan dalam membantu penulisan dan penerbitan staf dalam menyumbang ilmu baru kepada komuniti dan industri serta membantu dalam perkembangan. (Rujuk Lampiran 5.1.4)

Bagi meyalurkan kepakaran bidang antara staf dengan industri serta komuniti luar program Collaborative Teaching (CGCT) dijalankan bagi memberi peluang kepada staf berkongsi ilmu serta pengalaman bersama dengan kepakaran luar melalui pemindahan ilmu. Aktiviti ini melibatkan staf, industri dan pelajar dalam memberi ruang untuk lebih aktif berkongsi bersama. (Rujuk Lampiran 5.1.5)

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_S01_SB02_20231_Lampiran 5.1.1.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB02_20232_Lampiran 5.1.2.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB02_20233_Lampiran 5.1.3.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB02_20234_Lampiran 5.1.4.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB02_20235_Lampiran 5.1.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

ACIS mempunyai Pengurusan Sumber Manusia (PSM) yang sentiasa memberikan perhatian kepada pemerksaan bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran staf. ACIS UiTM mempunyai sejumlah 91 staf akademik dan 15 staf pentadbiran. Pelaksanaan memperkasakan ACIS telah disusun dengan memberi pelbagai inisiatif seperti geran dalaman, latihan kepakaran, penubuhan jawatankuasa dan sokongan dalam menjalankan aktiviti dan program. Dengan inisiatif tersebut, kepakaran staf dapat tingkatkan dan seterusnya dapat memperkukuhkan jalinan dua hala antara alumni, universiti, komuniti dan industri. Lampiran 5.3.1(1) menunjukkan inisiatif yang dijalankan oleh PSM dalam memperkasakan bakat. Dengan adanya kepakaran dan kemahiran staf, secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada universiti, komuniti, jaringan industri dan alumni. Bagi memastikan hubungan ACIS UiTM dengan komuniti, alumni dan industri sentiasa terjalin, bahagian PJI dan HEP telah diberi tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam menyelaras dan mengurus aktiviti dan program. PJI dipimpin oleh seorang Timbalan Dekan PJI, tiga orang koordinator (Penyelidikan & Penerbitan, ICAN, Alumni) dan HEP dipimpin oleh seorang Timbalan Dekan HEP dan dibantu oleh seorang koordinator (MASMED) dan tiga orang penyelaras. Lampiran 5.3.2(2). Kesemua jawatankuasa ini merupakan staf yang berpengalaman luas dalam bidang kepakaran masing-masing. Bagi mencapai visi dan misi ACIS, Pelan perancangan strategik telah di susun dengan merangka pelbagai objektif termasuklah pembangunan Alumni, komuniti dan kesukarelawan. Senarai semak tanggungjawab dan skop tugas disediakan bagi memudahkan tenaga kerja memberi fokus kepada jenis perkhidmatan yang perlu dilaksanakan. Penetapan semakan sasaran kerja tahunan dan pemantauan petunjuk prestasi membantu agar tenaga kerja ACIS bergerak ke arah Kompetensi Teras ACIS yang selari dengan visi dan misi UiTM. Lampiran 5.3.3(3), lampiran 5.3.4(4) dan 5.3.5 (5) menunjukkan antara program jaringan industri berimpak yang telah dijalankan oleh staf dan pelajar UiTM bersama dengan industri, alumni dan komuniti. Atas inisiatif PJI dan HEP ACIS UiTM, beberapa projek dibawah jaringan industri telah dibentuk. Pihak PJI dan HEP membuka ruang dan peluang kepada mana-mana staf untuk bersama-sama menyumbang tenaga dan kewangan untuk menyertai aktiviti bersama komuniti dengan tujuan mewujudkan keakraban, silaturahim dan ketelusan dalam bekerja.

Penganjuran INHAC 2022 juga melibatkan industri luar negara seperti Itali, Jepun dan Brunei (Lampiran 5.5(5)). ACIS yang menganjurkan INHAC selang 2 tahun sejak 2012 menghasilkan satu kolaborasi yang sangat baik bersama industri dan pemegang taruh termasuk peserta tetap INHAC yang sentiasa menyertai setiap penganjuran.

Kepakaran staf ACIS juga digunakan secara maksima terutamanya staf yang banyak terlibat ke arah visibiliti ACIS dengan menjalankan kolaborasi bersama industri dalam dan luar negara: Lampiran 5.4.1(2)

Penglibatan staf bersama industri luar negara juga menghasilkan kejayaan apabila staf ACIS dinobatkan Anugerah WOMANI oleh IFA Cambridge, United Kingdom. Melalui kejayaan ini, pemindahan ilmu semakin aktif berlaku dan visibiliti ACIS di peringkat global turut meningkat. Kejayaan ini juga memberi motivasi kepada staf ACIS untuk turut mencipta cemerlangan: Lampiran 5.4.1(3)

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB03_20231_ACIS_PERLUASAN 5.3.1\(1\)_compressed.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB03_20232_ACIS_PERLUASAN 5.3.2\(2\)_compressed.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB03_20233_ACIS_PERLUASAN 5.3.3\(3\)_compressed.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB03_20234_ACIS_PERLUASAN 5.3.4\(4\)_compressed.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB03_20235_ACIS_PERLUASAN 5.3.5\(5\)_compressed.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui Model 5P Holistik ACIS (Lampiran 5.4.1(1)), ACIS merancang secara sistematik untuk menentukan faktor utama dan instrumen yang memberi kesan terhadap kepuasan hati dan penglibatan sumber tenaga kerja. Antara penentu faktor utama dan instrumen yang memberi kesan kepuasan hati sumber tenaga kerja adalah melalui elemen penglibatan, kejayaan dan anugerah yang diperolehi serta melalui maklumbalas pelanggan. Petunjuk faktor penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja di ACIS pada setiap segmen adalah seperti pada Rajah 5.1: Lampiran 4.3.1(5)

ACIS amat mengambil berat berkaitan hal ehwal penumpuan tenaga kerja bagi menjayakan visi dan misi ACIS. ACIS amat yakin kejayaan sesebuah organisasi itu terletak kepada perkasanya sumber tenaga manusia yang mantap dari segi intelektual, fizikal dan juga spiritual. Faktor ini seterusnya memberi kesan dengan tindakan sumber daya manusia seperti gaya kepimpinan, merit dalam penilaian prestasi, kenaikan pangkat, khidmat cemerlang, tenaga kerja pentadbiran, contoh perhimpunan bulanan dan sistem penghargaan seperti ucapan terima kasih, tahniah dan takziah.

Melalui kejayaan dan anugerah, hasil penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja terbukti melalui beberapa kejayaan dan yang diterima di peringkat dalam dan luar negara: Lampiran 5.4.1(3)

Medium lain secara luaran bagi penentuan ini yang diadaptasikan dalam sistem adalah melalui maklumbalas contoh Borang Kepuasan Pelanggan, Peti Cadangan, Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja, sama ada pada segmen akademik, penasihat agama atau tenaga kerja pentadbiran.

Bagi proses pemantauan dan penambahbaikan secara khusus pula, ACIS menjalankan Audit Dalam dan Audit Luar. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS. Hasil ini digunakan untuk tindakan penambahbaikan dan kaji semula pengurusan agar ACIS kekal relevan di peringkat nasional dan antarabangsa: Rujuk 5.4.3(3).

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_S01_SB04_SC01_20231_ACIS_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1\(1\) Model 5P.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC01_20232_Lampiran 5.4.1 \(2\) Visibiliti.pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC01_20233_Lampiran 5.4.1 \(3\) Anugerah.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC01_20234_ACIS_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.4 JK Tatatertib Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB04_SC01_20235_ACIS_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1\(5\) RAJAH 5.1-Terkini.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan strategi bagi mengurangkan kerugian dan menggunakan peluang yang ada bagi memaksimumkan pengurangan potensi risiko yang bakal timbul terhadap pengurusan sumber manusia. Bagi melancarkan pengurusan risiko dalam sumber manusia, ACIS telah merangka tiga pengkhususan strategi bagi mencapai matlamat tersebut:

i. Mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja UiTM bagi mengenal pasti risiko sumber manusia semasa menjalankan aktiviti bersama industri dengan merancang tindakan pencegahan dan kawalan risiko yang diletakkan di bawah kelolaan Pejabat Dekan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan staf yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan dan pembelajaran di ACIS UiTM Shah Alam. Jawatankuasa ini juga bertindak menganalisa risiko, merancang kawalan serta tindakan penambahbaikan/pencegahan (Lampiran 5.4.2.1).

ii. Bagi memastikan keselamatan semasa menjalankan aktiviti yang melibatkan jaringan industri, ACIS menitikberatkan keselamatan semua staf ACIS semasa menjalankan aktiviti. Untuk itu, semua staf perlu memohon terlebih dahulu kebenaran melaksanakan aktiviti di dalam sistem Prime sebelum melaksanakan aktiviti bersama industri. Untuk itu, semua aktiviti perlulah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum melaksanakan program bersama jaringan industri (Lampiran 5.4.2.1).

iii. Bagi menguruskan risiko dalam kebajikan pekerja, wujudnya Jawatankuasa Kelab Pembangunan & Kebajikan Staf ACIS yang bertanggungjawab untuk menjadi satu badan yang mewakili kakitangan di ACIS. Kedua, menjaga kebajikan kakitangan ACIS, menggerakkan aktiviti riadah dalam kalangan kakitangan ACIS, mengeratkan ukhwah di antara kakitangan ACIS dan menyebarkan penerangan dan maklumat mengenai kegiatan dan perkara yang mampu melindungi kebajikan staf ACIS (Lampiran 5.4.2.2). Rakan industri juga dijemput hadir dalam majlis/program yang dianjurkan bagi memperkukuhkan kolaborasi.

iv. Bagi mengelakkan pembaziran tenaga, masa dan kepakaran Staf ACIS, Unit kualiti diwujudkan bagi memastikan program yang diadakan bukanlah hanya merupakan program tunggal sahaja. Oleh itu, pihak pengurusan sumber manusia hendaklah merancang supaya program tersebut dapat dilaksanakan secara berterusan dengan menjalankan audit dalaman bagi menilai dan menambah baik kursus dan program bersama industri (Lampiran 5.4.2.3).

iv. Bagi tujuan pengurusan risiko geran yang diterima daripada industri, bahagian Jaringan Industri telah berdaftar di bawah UGMS UiTM bagi memudahkan staf ACIS menguruskan geran dalaman yang diperolehi (Lampiran 5.4.2.4.)

Kesemua usaha di atas merangkumi tindakan merancang, kawalan serta penambahbaikan/pencegahan risiko yang dikongsikan bersama dalam Mesyuarat Utama.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB04_SC02_20231_Lampiran 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC02_20232_LAMPIRAN 5.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC02_20233_Lampiran 5.4.2.2 .pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC02_20234_LAMPIRAN 5.4.2.4.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB04_SC02_20235_LAMPIRAN 5.4.2.4.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran dan pembudayaan suasana kerja yang kondusif merupakan antara elemen yang dititikberatkan oleh pengurusan. PSM berusaha memastikan semua staf bekerja dalam keadaan yang selesa dan kondusif terutama ketika berada di persekitaran pejabat. Oleh demikian, ACIS telah menyediakan satu kumpulan telegram dan whatsapp untuk staf mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan atau menyalurkan maklumat. Menerusi jaringan industri, pihak ACIS telah berusaha membuat penambahbaikan antaranya:

- i- Mengambil berat terhadap sebarang aduan yang diterima di dalam sistem e-aduan. Bagi mengatasi isu aduan, Pihak ACIS telah melantik staf bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang isu aduan yang wujud dengan segera. Staf yang dilantik, akan menyemak aduan yang diterima melalui sistem e-aduan serta memastikan tindakan susulan telah dilakukan. Lampiran 5.4.3.1
- ii- Membantu pihak PPII untuk mewujudkan Waqaf Pendidikan bagi mendapatkan dana menaik taraf bangunan Cempaka 4 berdasar kepada polisi Jana & Jimat daripada Pejabat Naib Canselor 2022/2023. Sebagai permulaan Waqaf Pendidikan ACIS, Yayasan RI telah bersetuju menyumbangkan sebanyak RM300,000.00 bagi membaikpulih bilik seminar di tingkat 2 Bangunan Cempaka 4. Lampiran 5.4.3.2
- iii- Pihak Pengurusan ACIS telah mengadakan jaringan bersama pihak pengurusan Fakulti Perundangan dan Pengurusan Perniagaan untuk mendapatkan ruang Bilik Kuliah sebagai persediaan semester Mac – Julai 2023. Ia bertujuan untuk keselesaan pensyarah dan pelajar agar memastikan P&P berjalan dengan baik dan lancar. Lampiran 5.4.3.2.3
- iv- Pihak pengurusan ACIS menyediakan kemudahan penapis air di tiga blok bagi kemudahan staf untuk mendapatkan sumber air yang bersih.
- v- Terdapat juga perubahan landskap di Blok Cempaka 5 bagi memberi suasana baru kepada staf dan pelajar yang dibangunkan oleh team GoGreen.
- vi- Bagi isu kekurangan staf dalam pengajaran dan pembelajaran, pihak ACIS akan memohon perjawatan daripada Jabatan pengurusan sumber manusia, pejabat pendaftar UiTM. Permohonan ini akan dilakukan pada bulan Mac bagi tahun berkenaan. Justifikasi permohonan akan diberi berdasarkan nisbah pensyarah dan pelajar.
- vi- ACIS menjalankan Audit Dalam dan Audit Luar bagi pemantauan dan penambahbaikan. Laporan audit dilihat dengan teliti dan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan juga mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS serta diambil tindakan penambahbaikan: Rujuk 5.4.3(3).

Bagi kesemua tindakan penambahbaikan yang dilakukan ini turut dikongsi bersama warga ACIS melalui Himpunan Bulanan yang dihadiri oleh semua staf, Mesyuarat Bersama Staf Akademik: Lampiran.4.1(4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB04_SC03_20231_ACIS_PENAMBAHBAIKAN 5.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [F0052_S01_SB04_SC03_20232_ACIS_PENAMBAHBAIKAN 5.4.3\(2\).pdf](#)
3. [F0052_S01_SB04_SC03_20233_Lampiran 5.4.3\(3\) Minit Mesyuarat MKSP 02-2022-.pdf](#)
4. [F0052_S01_SB04_SC03_20234_Lampiran 5.3.3.4.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB04_SC03_20235_Lampiran 5.3.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1. Tambah Baik Ruang Kerja Yang Optimum

Mewujudkan penggunaan ruang yang optimum serta persekitaran tempat kerja yang lebih bersih, kemas dan selamat melalui gotong royong Mahabbah ACIS . Selain itu, pengurusan ACIS, telah berjaya mencari dana bagi tambah baik bangunan C5 yang telah uzur. Melalui dana wakaf pendidikan yang diterima, ruang kerja akan lebih kondusif, selesa dan selamat berbanding sebelum ini (Lampiran 5.5.1)

2. Peningkatan Dalam Penyelidikan

Selain daripada itu, dalam penambahbaikan yang berterusan, ACIS menggunakan pendekatan pembangunan staf melalui siri latihan pensyarah dalam keusahawanan bersama MAGIC. MAGIC ialah satu badan yang menyokong perusahaan dan inovasi sosial di Malaysia. (Lampiran 5.5.2)

3. Peningkatan Operasi Penyelidikan Yang Komprehensif Dan Berimpak Tinggi

Di dalam menggerakkan operasi penyelidikan yang komprehensif dan berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi universiti untuk melahirkan penyelidikan yang terkini, proses pemantapan geran proposal dan penulisan jurnal berimpak tinggi melalui webinar dan bengkel penulisan dengan kerjasama industri untuk tujuan meningkatkan bilangan jurnal berimpak tinggi dan berindeks melalui kerjasama bersama industri (Lampiran 5.5.3). Selain itu, strategi ini dapat meningkatkan lagi jumlah permohonan geran dan juga penerbitan berimpak tinggi dan membantu staf mencapai penilaian prestasi tahunan staf (Lampiran 5.5.4).

4. Pemindahan Ilmu Hasil Daripada Kerjasama Bersama Komuniti

Menerusi hasil geran bersama , staf ACIS dapat memaksimumkan pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti seperti mengadakan projek bersama seperti pogram KTP-PPA Pulau Pangkor: Lampiran 5.1.3 dan INHAC 2022 Peringkat antarabangsa: Lampiran 5.4.1 (2).

5. Penghargaan Dan Pengiktirafan Ini Kepada Warga Staf

Bagi menghargai segala sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada kecemerlangan ACIS, **Poster penghargaan dan hebahan dalam e-bulletin telah diwujudkan bagi menghargai kejayaan staf ACIS. Selain itu, dianugerahkan perkhidmatan cemerlang.** Selain itu, diadakan Majlis Seluhur Kasih turut diadakan bagi menghargai khidmat setia dan menyerahkan saguhati kebajikan kepada kalangan staf ACIS yang terlibat seperti kemasukan ke hospital, kelahiran anak dan perkahwinan dan warga ACIS yang terkesan banjir dan kebakaran rumah.

6. Penganugerahan daripada Industri Luar Negara kepada staf ACIS

Penglibatan dan kolaborasi yang mantap antara staf ACIS dan industri luar negara menghasilkan kejayaan cemerlang peringkat antarabangsa apabila staf ACIS dianugerahkan Top 300 Most Influential Women in Islamic Finance and Business oleh IFA Cambridge, United Kingdom: WOMANi Influencer for The Year 2022. Kejayaan ini mempertingkatkan visibiliti ACIS serta memperkukuhkan Jaringan Industri Luar Negara. Usaha ini juga memberi motivasi kepada warga ACIS dan juga warga UiTM untuk turut mencipta kejayaan di samping proses pemindahan ilmu ke peringkat global; Lampiran 5.4.1(3)

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_S01_SB05_20231_Lampiran 5.5 \(1\).pdf](#)
2. [F0052_S01_SB05_20232_Lampiran 5.5\(2\).pdf](#)
3. [F0052_S01_SB05_20233_Lampiran 5.5\(3\).pdf](#)
4. [F0052_S01_SB05_20234_Lampiran 5.5.4.pdf](#)
5. [F0052_S01_SB05_20235_Lampiran 5.5\(5\) Visibiliti dan INHAC.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Industri, Komuniti & Jaringan Alumni (ICAN) ACIS mementingkan pembinaan budaya kerja yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh dengan melaksanakan sistem operasi secara holistik. Operasi tersebut melibatkan proses **perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan** yang berterusan melalui pengurusan risiko dan kajian semula operasinya. Perancangan untuk jaringan industri & keusahawanan, operasi dan gerak kerja adalah berpandukan 11 performance indikator BTU yang meliputi 5 bidang utama, MOU/MOA, Latihan industri pelajar, tanggungjawab sosial Universiti, knowledge transfer program dan Alumni. Indeks prestasi utama dan matlamat strategik terhadap kolaborasi industri dibangunkan, dipantau dan dinilai. Antara petunjuk prestasi seperti:

- a) Bilangan MOU/MOA (domestik dan antarabangsa);
- b) Peratus kebolehpasaran graduan
- c) Sesi perkongsian kepakaran
- d) Penglibatan staf (sangkutan industri).

Untuk tujuan perancangan gerak kerja tahunan, bengkel Pelan Strategik ACIS yang be pada 26 hingga 28 September 2022, di Institut Latihan Memperkasa Ummah (ILMU) Bentong Pahang Darul Makmur.

Pelaksanaan program ICAN ACIS dilaksanakan melalui pelbagai platform dan inisiatif termasuk sangkutan industri, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran, dan konsultasi. Dari segi pelaksanaan yang melibatkan kerjasama dengan industri, ICAN menggunakan mekanisme tertentu. Mekanisme yang terpenting ialah dengan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Sebagai insentif kepada pensyarah, ICAN telah menawarkan peruntukan geran penyelidikan dalaman di dalam meningkatkan prestasi individu staf untuk memberi peluang kepada mereka memenuhi pencapaian KPI dan membudayakan mereka dengan tugas dalam bidang penyelidikan. Selain daripada itu, dalam usaha menambahkan aktiviti penajaan kewangan kepada fakulti, ICAN telah menganjurkan konvensyen dan konferensi serta program pensijilan professional termasuk Conference on Zakat, Waqf, And Islamic Philanthropy (ZAWFI), International Halal Conference (INHAC) dan Program Professional Certificate In Halal Executive. Untuk meluaskan jalinan usahasama dan kolaborasi dengan pihak industri dan agensi luar, ICAN telah menyusun beberapa rancangan iaitu dengan mewujudkan hubungan kerjasama dengan beberapa pihak industri. Justeru pelbagai MoU dan MoA dengan pihak industri telah diatur dan dijalankan mengikut seperti yang dirancang.

Untuk tujuan pemantauan, prosedur tertentu telah dirangka. Sebagai contoh ICAN ACIS telah melantik koordinator, ahli jawatankuasa dan juga *person-in-charge* untuk menguruskan setiap elemen yang ditetapkan seperti mobiliti pensyarah dan pelajar, penyelidikan dan lain-lain untuk memudahkan urusan dan memastikan sasaran BTU ACIS tercapai. Begitu juga prosedur pemantauan MoU/MoA yang mewajibkan draf disemak oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM seterusnya dibawa kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bagi MoA untuk tujuan kelulusan. Untuk memastikan kelancaran, ICAN ACIS telah melantik *person-in-charge* (PIC) khusus untuk penyediaan dokumen MoU/MoA.

Untuk mengelakkan risiko objektif dan sasaran ACIS tidak tercapai, laporan kepada bahagian BTU ACIS pada setiap bulan juga perlu dihantar sebagai langkah pemantauan dan juga untuk meningkatkan prestasi jabatan ICAN ACIS. Selain daripada itu pemantauan dibuat melalui beberapa lapisan audit seperti InQKA dan audit dalaman ACIS sendiri. Audit Dalaman dan Audit Luar InQKA adalah bebas dan neutral yang dilaksanakan secara berkala. Penemuan audit diperolehi melalui laporan hasil audit yang diaplikasi bagi menambahbaik pengurusan secara

berterusan.

Penambahbaikan melalui pelaporan dibuat dalam mesyuarat bulanan dimana setiap unit strategik membentangkan pencapaian dan pelaporan bagi memastikan keseluruhan unit PTJ dan staf beroperasi secara bersama, juga mengenalpasti KPI yang masih belum dicapai dan menumpukan kepada kolaborasi bersama industri.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan operasi Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah menjalankan pelbagai aktiviti bersama industri di dalam dan luar negara. Bermula daripada perancangan strategik ACIS yang memberi tumpuan untuk memperlihatkan visibiliti ACIS dan UiTM di peringkat global, salah satu tindakannya ialah melalui kolaborasi dengan universiti dan industri di dalam dan luar negara. Sebagai langkah permulaan proses jaringan industri, sebanyak 30 siri lawatan kerja ke agensi kerajaan, swasta dan NGO telah diadakan. Antaranya ialah kunjung hormat ke MABIM, PERKIM, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Nextgreen Global Berhad, Al-Bayt University (AABU), Zarqa University, Jordan, University of Jeddah, King Abdul Aziz University (KAAU) dan lain-lain.

Susulan daripada perbincangan semasa lawatan kerja tersebut, pelbagai program kerjasama telah dirancang seperti Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU), *Industrial Talk*, penajaan geran penyelidikan, *Knowledge Transfer Program* dan sebagainya yang telah memberi manfaat kepada komuniti, staf dan pelajar secara umum. Aktiviti ICAN ACIS meliputi pelbagai pihak yang terlibat yang telah mengambil manfaat daripada aktiviti yang dijalankan. Pertama, memberi manfaat kepada pelajar kategori B40 terutamanya di peringkat Sarjana Muda Muamalat dan Pengurusan Industri Halal ACIS melalui penajaan daripada industri yang bekerjasama dengan pihak ACIS. Sebagai contoh pihak Yayasan Budi Ihsan (YBIM) yang telah bersetuju untuk menaja makanan setiap hari Isnin dan Khamis kepada pelajar. Selain itu, pihak pensyarah ACIS mendapat ruang tawaran geran penyelidikan daripada kerjasama dengan industri seperti Geran Dalaman ACIS. Melalui penganjuran program *Knowledge Transfer Program* (KTP), Kem Bestari Solat/Pelajar telah memberi banyak sumbangan kepada komuniti dan masyarakat setempat hasil kerjasama ACIS dengan industri berkaitan. Bukan itu sahaja, pihak industri turut mendapat manfaat daripada kerjasama ini melalui sumbangan dan perkongsian kepakaran staf ACIS seperti melalui pembinaan modul Muallaf bersama Baitul Al-Salam, Lembaga Zakat Selangor (LZS), beberapa siri webinar dan sebagai penulis bersama dalam artikel ilmiah. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keushawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_O01_OB02_20231_LAMPIRAN 6.2.1_RINGKASAN LAWATAN KERJA 2022.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB02_20232_LAMPIRAN 6.2.2_RESOLUSI BENGKEL SP ACIS 2025 terkini3.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB02_20233_Lampiran 6.2_Kelulusan Kem Bestari Pelajar.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB02_20234_Lampiran 6.2_Kelulusan Kursus Muallaf Baitussalam.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB02_20235_Lampiran 6.2_Kelulusan Agihan B40 YBIM.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sepanjang tahun 2022, ACIS telah menjalankan pelbagai usaha yang menjurus kepada perkembangan jaringan industri. Perluasan terhadap elemen jaringan industri mendorong kepada ketampakan ACIS secara khusus dan UiTM secara umum di segenap lapisan masyarakat, negara dan antarabangsa. Bagi tujuan tersebut, pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan, Penerbitan & Jaringan Industri, melalui koordinator dan penyelaras yang telah dilantik sentiasa memberi tumpuan kepada operasi yang melibatkan usahasama antara ACIS dan pelbagai pihak berkepentingan. Setiap operasi yang dilaksanakan samada aktiviti bersifat dalaman atau luaran, keutamaan akan diberikan untuk mewujudkan penglibatan pihak industri secara bersama.

Sinergi yang dijalankan oleh pihak ACIS secara objektifnya adalah bagi *mencapai Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan kepada setiap PTJ bagi mentransformasi UiTM kepada sebuah *Globally Renowned University*. Pelbagai usaha dijalankan bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti merangkumi perkara berikut:

- i. Menandatangani MOU & MOA dengan pihak industri, universiti dan agensi kerajaan.
- ii. Menjalankan program dan aktiviti secara bersama dengan pelbagai pihak.
- iii. Penawaran penyelidikan dan penerbitan kepada para pensyarah melalui dana industri.
- iv. Penganjuran seminar dan persidangan dengan penglibatan pihak industri sebagai penaja dan rakan kolaborasi.
- v. Pelaksanaan aktiviti dan program pelajar dengan usaha sama pihak industri.
- vi. Pelaksanaan usaha mempromosi tenaga akademik ACIS dengan kepakaran masing-masing bagi tujuan konsultasi dan perundingan dengan pihak industri.

Melalui Garis Panduan Jaringan Industri, Standard Operation Procedure (SOP) dan senarai semak, setiap operasi pelaksanaan perkara yang dinyatakan perlu mematuhi elemen-elemen yang telah dinyatakan. Pemantauan akan sentiasa dilaksanakan secara berkala melalui laporan kepada pihak pejabat TDPJI dan PTJ. Perincian operasi yang melibatkan elemen jaringan industri adalah seperti berikut:

i- Menandatangani MOU & MOA dengan pihak industri, Universiti dan agensi kerajaan.

Aktiviti: MOU ACIS bersama YBIM, MABIM, PERKIM, IKIM, YAMM, Baitul Mal MAIS, JAIS, LZS, Yayasan Rizalman, Mydin dan Nextgreen Global Berhad.

ii- . Menjalankan program dan aktiviti secara bersama dengan pelbagai pihak. Aktiviti:

Program Ibadah Korban bersama YBIM dan Program keusahawanan IDEAS dengan kerjasama YBIM dan Prudential Takaful.

iii- Penawaran penyelidikan dan penerbitan kepada para pensyarah melalui dana industry. Aktiviti:

- Geran KTP daripada Maybank untuk kajian di Pulau Pangkor Perak.
- Geran Penyelidikan daripada PNB
- Geran Penyelidikan daripada UDA
- Geran Penyelidikan daripada Majlis Agama Islam Perak

iv- Penganjuran seminar dan persidangan dengan penglibatan pihak industri sebagai penaja dan rakan kolaborasi. Aktiviti:

- Persidangan Dakwah Kebangsaan kolaborasi bersama antara ACIS & PERKIM

-Penganjuran Persidangan ZAWAF

v- **Pelaksanaan aktiviti dan program pelajar dengan usaha sama pihak industri. Aktiviti:**

- Program keusahawanan IDEAS dengan kerjasama YBIM dan Prudential Takaful

vi- **Pelaksanaan usaha mempromosi tenaga akademik ACIS dengan kepakaran masing-masing bagi tujuan konsultasi dan perundingan dengan pihak industri. Aktiviti: -**

- Pelaksanaan ACIS Meet Your Scholars.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB03_20232_LAMPIRAN 6.3.2_LAPORAN PENYELIDIKAN_SENARAI GERAN PENYELIDIKAN_UPDATED 2022.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB03_20233_LAMPIRAN 6.3.3_LAPORAN PENERBITAN_ACIS setakat awal November 2022_2Nov2022 \(2\).pdf](#)
3. [F0052_O01_OB03_20234_LAMPIRAN 6.3.4_WEBINAR ACIS_ALQURAN DIHATIKU.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB03_20235_LAMPIRAN 6.3.5_ACIS SCHOLARpdf.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB03_20235_LAMPIRAN 6.3.1_ACIS BERSAMA AGENSI KERAJAAN – SWASTA – NGO.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh ACIS untuk memastikan jaringan industri dan keusahawanan dimantapkan lagi seiring dengan Pelan strategik UiTM 2025 yang menjadi pemacu kepada ACIS untuk bergerak ke depan. Pertamanya, jaringan industri, ACIS telah **memfokuskan kepada beberapa elemen di mana setiap elemen dirancang bersama *person-in-charge* untuk memastikan sasaran BTU ACIS tercapai** (Rujuk Garis panduan ICAN 2020). Antara elemen tersebut adalah **mobiliti pensyarah dan pelajar, webinar, menjadi penulis bersama untuk penerbitan dan penyelidikan serta mencari sumber penajaan untuk ACIS**. Bagi memastikan inisiatif-inisiatif ini tercapai, seluruh operasi jaringan industri ACIS dipantau oleh ACIS sendiri berdasarkan laporan program. Antara strategi yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif ICAN ACIS yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan keberkesanan objektif seperti berikut:

- Memantau semua *person-in-charge* setiap projek untuk memastikan semua perancangan dapat berjalan dengan lancar.
- Melaksanakan beberapa program di peringkat fakulti bersama beberapa institusi seperti Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), MABIM, PERKIM, IKIM, YAMM, Baitulmal Mais, MAPIM, JAIS, LZS, Yayasan Rizalman, Mydin, Yayasan Islam Kelantan, Nextgreen Global Berhad dan Department of Standards Malaysia. Natiujahnya, hasil dari program-program yang dilaksanakan bersama industri ini dapat menjana sumber pendapatan kepada ACIS di samping meningkatkan lagi pembangunan pelajar.

Sejak tahun 2003, Audit Dalaman dan Audit Luar memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan operasi di ACIS. Audit Dalaman dilakukan oleh staf yang lulus dalam Kursus Audit Dalam ISO 9001:2000 dan Kursus Persijilan Semula ISO9001:2008. Audit Dalaman dan Audit Luar InKQA adalah bebas dan neutral yang dilaksanakan secara berkala. Penemuan audit diperolehi melalui laporan hasil audit yang diaplikasi bagi menambahbaik pengurusan secara berterusan. Justeru itu, pemantauan yang dibuat ini dapat memberi impak besar terhadap kecekapan dan keberkesanan operasi jaringan industri dan keusahawanan dalam menjamin ketelusan, integriti dan pematuhan kepada standard operasi dapat berjalan secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0052_O01_OB04_OC01_20231_Perancangan_Pencapaian ICAN 2022.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC01_20233_Laporan Penuh Laporan Audit Dalam ACIS 2022.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC01_20234_PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AUDIT DALAM.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB04_OC01_20235_RESOLUSI BENGKEL SP ACIS 2025 terkini3.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB04_OC01_20235_LAMPIRAN 6.4.1 ACIS BERSAMA AGENSI KERAJAAN – SWASTA – NGO.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko bagi jaringan industri dan keusahawanan ACIS dapat dilaksanakan melalui tindakan pencegahan. Bagi jaringan industri, seiring dengan kehendak universiti, pihak ICAN, ACIS **akan bekerjasama dengan fakulti dan institut lain bagi meningkatkan jumlah jaringan industri**. Hal ini dapat dilaksanakan dengan memastikan Dekan menandatangani kertas projek kerjasama dengan fakulti dan institusi lain untuk memastikan objektif dan sasaran itu tercapai.

Bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang, beberapa tindakan pengurusan risiko diambil bagi memastikan mencapai sasaran BTU ACIS. Untuk mengelakkan daripada risiko, **perancangan strategik setiap tahun** dilaksanakan. Antaranya termasuklah risiko daripada kerugian sumber kewangan dana daripada TAAM. Selain daripada itu, pihak ACIS **memperbanyakkan program-program di peringkat fakulti** yang juga dilihat dapat memberi impak yang tinggi dalam mencapai objektif dan sasaran yang telah dirancang. Yang terakhir, pihak ACIS akan **memastikan tiada program yang bertembung dari segi konsep dan objektif pelaksanaan**. Ini dapat dicapai dengan mempelbagaikan program untuk mencapai pelan strategik ACIS dengan menggunakan kaedah serampang dua mata. Oleh yang demikian, dengan mengelakkan risiko dalam pencapaian objektif dan sasaran ACIS, maka langkah pengurusan risiko seperti **menghantar laporan kepada bahagian BTU ACIS** pada setiap bulan juga mampu untuk meningkatkan prestasi jaringan industri yang terdapat di ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB04_OC02_20231_LAMPIRAN 6.4.2_PELAN TINDAKAN PENYEDIAAN DAFTAR RISIKO ACIS 2022.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC02_20232_LAMPIRAN 6.4.2_Laporan eRMS 2022.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC02_20233_LAMPIRAN 6.4.2_Daftar Risiko_ACIS.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan penambahbaikan semula sentiasa dilakukan dengan mengadakan **bengkel pelan strategik** setiap tahun yang berobjektifkan perancangan, gerak kerja dan pemantauan oleh setiap unit PTJ. Antara resolusi yang dicadangkan adalah mengadakan kolaborasi dengan universiti dan industri di luar negara serta mewujudkan peluang penerbitan dan aktiviti penyelidikan di peringkat global. Selain itu **penglibatan semua staf akademik dan staf pentadbiran** adalah sentiasa diberi perhatian dalam aktiviti yang telah dirangka dalam MOU/MOA. Bagi pencapaian kumulatif fakulti, penyediaan **Individual Development Incentive** dibuat melalui peruntukan **geran penyelidikan dalaman** di dalam meningkatkan prestasi individu staf yang bukan sahaja dapat memenuhi pencapaian KPI, namun juga memberi impak kepada tradisi keilmuan dan penyelidikan berimpak tinggi. Usaha penajaan kewangan kepada fakulti dibuat dengan melibatkan pihak industri dengan penganjuran dua konferen serta satu program pensijilan professional, iaitu INHAC, ZAWFI dan Program Professional Certificate In Halal Executive (HE9).

Hasil daripada program yang dirangka memberi kesan positif pada **pembangunan diri staf ACIS dan pencapaian ACIS secara keseluruhan**. Antaranya seperti penyusunan gerak kerja yang lebih tersusun dan sistematik. Hasil geran penyelidikan dalaman pula membuka ruang yang besar pada **staf ACIS untuk mengembangkan potensi mereka dalam penyelidikan**. Sebanyak 21 geran dalaman telah ditawarkan pada sejumlah 21 staf ACIS pada tahun 2022 dengan nilai keseluruhan geran RM143 000. Konferen yang dilaksanakan berdasarkan MOU/MOA yang telah dibuat sebelum ini telah **berjaya menghasilkan sumber pendapatan yang besar** melalui yuran dan juga tajaan dari pihak industri yang terlibat iaitu berjumlah RM106,700(ZAWFI) dan RM31,099.29(INHAC).Dana yang dijana daripada konferen tersebut digunakan bagi meningkatkan tahap penerbitan staf ACIS.

Penambahbaikan melalui pelaporan juga dibuat setiap bulan dengan **mesyuarat bulanan staf**. Setiap unit strategik akan membentangkan pencapaian serta pelaporan untuk tindakan bersama supaya keseluruhan unit PTJ cakna akan operasi yang terlibat. Secara tidak langsung risiko kerugian sumber dan operasi dapat dielakkan. KPI yang belum dicapai juga dikenalpasti dan **kolaborasi bersama dibuat** bagi memastikan dana dimaksimumkan untuk pencapaian berimpak tinggi. Ini dihasilkan dengan bengkel penerbitan serta usahasama badan luar dalam MOU/MOA yang dapat menambahkan penerbitan dan penyelidikan. Kaedah **mentoring system** dibuat untuk pembangunan staf.Pakar setiap bidang strategik akan menjadi *resource person* yang berkongsi idea dan memberikan khidmat nasihat kepada staf baru yang memerlukan bimbingan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB04_OC03_20231_LAMPIRAN 6.4.3_LAPORAN ZAWFI.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB04_OC03_20232_LAMPIRAN 6.4.3_LAPORAN INHAC2022.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB04_OC03_20233_LAMPIRAN 6.4.3_SENARAI GERAN PENYELIDIKAN JUMLAH GERAN_UPDATED 2022.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB04_OC03_20234_LAMPIRAN 6.4.3_RESOLUSI BENGKEL SP ACIS 2025 terkini3.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Seiring dengan elemen penting dalam Pelan Strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memberikan tumpuan kepada kerjasama pintar bersama industri, Akademi Pengajian Islam kontemporari (ACIS) telah menggariskan pendekatan integrasi yang merangkumi kolaborasi dalam menjalinkan usahasama dan perkongsian kepakaran untuk manfaat pelajar, pensyarah dan komuniti. Beberapa nilai integrasi dan inovasi telah dirancang **bermula dengan Bengkel Plan Strategik** pada awal tahun yang membawa kepada penghasilan beberapa aktiviti yang melibatkan jalinan industri dan memastikan operasi keseluruhan fakulti berada dalam keadaan yang terbaik. Plan strategik yang dirangka juga telah berjaya membawa kepada **pencapaian 100% terhadap KPI jalinan industri (PI023)** ACIS pada tahun 2022 seperti yang ditetapkan oleh BTU.

Manakala dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P), pihak **industri telah terlibat sebagai penceramah jemputan dalam Kumpulan Kolaboratif Pengajaran Kolaboratif (CGCT)**. Dengan menggunakan model penyampaian, tajuk webinar atau syarahan daripada wakil industri melibatkan subjek teras dan mata pelajaran umum yang dipadankan dengan silibus menjadikan sesi P&P lebih menarik dan berkesan. Jalinan hubungan dengan pihak industri dan agensi luar ini juga memberi nilai tambah kepada para pensyarah dalam mempersiapkan pelajar dengan perkembangan dan situasi sebenar yang menjadi amalan pihak industri.

Manakala dalam penambahbaikan ke arah kerjasama industri secara kolaborasi mengikut unit-unit PTJ diluar sesi P&P juga adalah sangat penting. Antara unit yang terlibat adalah Unit Green ACIS yang menjalinkan hubungan baik dengan pihak NEXTGREEN Global Berhad dalam membudayakan kelestarian alam sekitar, manakala Unit Perkhidmatan OKU ACIS dengan Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS) yang menjalankan beberapa siri webinar ibadah khusus untuk komuniti OKU.

Selain daripada itu, mobiliti pensyarah ke industri telah dijalankan hasil daripada usahasama dalam mempromosi serta meningkatkan kepakaran staf akademik sebagai aktiviti susulan hasil penambahbaikan dalam jalinan usahasama MOU/MOA yang telah diadakan sepanjang tahun 2022. Program mobiliti tersebut dijayakan dengan **mobiliti pensyarah ke Jepun dan pelajar daripada UNISSA, Brunei** yang disenaraikan dalam lampiran. Aktiviti berteraskan kepada usahasama kepada komuniti, pelajar, perundingan dan usahasama yang lainnya telah membuka peluang kepada industri dan pensyarah dalam berkongsi bidang kepakaran dan juga memberi nilai tambah kepada inovasi. Ini bertujuan untuk perluasan kerjasama dan peningkatan jangkauan UiTM dalam aspirasi menjadi universiti yang terkemuka di dunia. Daripada sumbangan dana industri untuk aktiviti penyelidikan telah membantu dalam penerbitan dan penyelidikan para pensyarah ACIS. Ini secara tidak langsung telah menyumbang pada pencapaian BTU ACIS (PI062).

SENARAI BUKTI :

1. [F0052_O01_OB05_20231_LAMPIRAN 6.5.2_KERTAS KERJA SUCCESSION PLAN.pdf](#)
2. [F0052_O01_OB05_20232_Lampiran 6.5.1 PI023 PI062_Achievement Report.pdf](#)
3. [F0052_O01_OB05_20233_LAMPIRAN 6.5.3_Mobiliti Outbound UNISSA.pdf](#)
4. [F0052_O01_OB05_20234_LAMPIRAN 6.5.4_Outbound Jepun.pdf](#)
5. [F0052_O01_OB05_20235_LAMPIRAN 6.5.5_LAPORAN CGCT ACIS SESI 20224.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Utama 2 melaporkan pencapaian ACIS dalam kejayaan ACIS meluaskan jaringan industri melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan keberhasilannya sepanjang tahun 2022 dalam mencapai objektif menjayakan kolaborasi, perkongsian, kerjasama strategik dalam pelbagai platform penyelidikan, pengajaran & pembelajaran dan konsultasi.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sejajar dengan sasaran utama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam memartabatkan pendidikan tinggi di Malaysia, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah mengambil langkah yang signifikan bagi meningkatkan prestasi, termasuklah menggandakan usaha kolaborasi dan meluaskan jaringan industri bersama rakan-rakan industri di Malaysia. Hal ini adalah selaras dengan hala tuju UiTM ke arah *Global Renowned University* di dalam rangka Pelan Strategik UiTM 2025. Dalam memastikan ketampakan ACIS dan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan antarabangsa, bahagian PJI ACIS telah bergerak secara proaktif dengan menjalinkan kerjasama bersama rakan industri melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).

Sepertimana yang diketahui umum, MoU adalah nota kesefahaman atau perjanjian pendahuluan yang memastikan seluruh pihak yang terlibat dalam suatu perjanjian kerjasama mengetahui tugas dan tanggungjawab yang harus dipenuhi dalam sebuah hubungan kerjasama. Dengan pemeteraian MoU bersama rakan industri, ia akan menjadi pembuka jalan kepada inisiatif yang lebih besar, selain menjadi platform dalam melahirkan pakar dan meneroka pelbagai peluang kajian serta penyelidikan. Ini terbukti dengan peningkatan yang konsisten dalam penganjuran program oleh ACIS di peringkat tempatan dan antarabangsa sejajar dengan petunjuk prestasi dari bidang kolaborasi dengan industri. Justeru, ACIS telah merekodkan sejumlah 25 MoU bersama industri/komuniti antarabangsa dan tempatan yang masih lagi aktif sehingga tahun semasa. Pada tahun 2022, ACIS telah mencatatkan pertambahan tiga MoU bersama pihak industri iaitu bersama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Yayasan Amal Makruf Malaysia (YAMM). Ketiga-tiga MoU yang telah ditandatangani ini bertujuan menggalakkan aktiviti usahasama kedua-dua pihak dari segi berikut: a) pertukaran staf di antara fakulti dari setiap rakan institusi; b) penerimaan pelajar-pelajar ijazah dan lepasan ijazah dari setiap rakan institusi untuk satu tempoh pengajian atau penyelidikan; c) mengadakan simposium, konferensi, kursus pendek dan mesyuarat berkenaan isu-isu penyelidikan; d) pertukaran maklumat berkenaan perkembangan di dalam pendidikan, pembangunan pelajar dan institusi-institusi penyelidikan; f) menguarkn maklumat dan aktiviti rakan universiti di bawah Memorandum Persefahaman di dalam tapak web kedua-dua pihak; dan e) kerjasama di dalam apa-apa bidang lain seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

Selain daripada tiga MoU tersebut, ACIS juga telah berjaya menjalin hubungan dengan beberapa lagi rakan industri seperti Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), NAMA Foundation, Halal Korea Co Ltd., Australian Islamic Council dan beberapa lagi agensi pada tahun 2021, yang mana Kerjasama erat dengan penganjuran program dengan usaha sama pihak-pihak terlibat dapat dilihat hasilnya pada tahun 2022 sehingga kini.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0052_HB02_20231_AKNC TAHAP 2023.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0052_HB03_20232_TREND AKNC 2023.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0052_HB04_20233_IKNC_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0052_HB05_20234_IKNC_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Projek Knowledge Transfer Programme (KTP) menjadikan ACIS sebagai pusat akademia terunggul dalam menjayakan kolaborasi dan kerjasama strategik industri dalam peranannya sebagai perintis pemindahan ilmu dan teknologi, ke arah memupuk dan melestarikan pembentukan modal insan Rabbani. Justeru meningkatkan inovasi dari kepakaran akademia bagi memenuhi keperluan pemegang taruh, industri dan komuniti.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bertujuan untuk menjadi pusat akademik dan profesional yang terulung bagi kerjasama strategik yang berjaya dalam industri. Berkedudukan sebagai perintis dalam pemindahan ilmu dan teknologi, ACIS berusaha untuk memupuk dan memelihara pembentukan modal insan Rabbani, sambil memacu inovasi daripada kepakaran akademia untuk memenuhi pelbagai keperluan pihak berkepentingan, industri dan masyarakat. ACIS mengiktiraf kepentingan kritikal usaha kerjasama antara akademia dan industri. Dengan menjalin perkongsian kukuh dengan pelbagai industri, ACIS berusaha untuk merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi dunia sebenar.

Melalui kerjasama sedemikian, institusi ini berusaha untuk memperkasakan pelajar dan fakultinya dengan pengalaman praktikal, meningkatkan potensi mereka untuk berjaya dalam landskap profesional yang kompetitif. Titik fokus utama ACIS ialah pembangunan dan pemeliharaan modal insan Rabbani. Berteraskan prinsip dan etika Islam, modal insan Rabbani merangkumi nilai integriti, belas kasihan dan tanggungjawab. ACIS berusaha untuk memupuk individu yang bukan sahaja memiliki kepakaran teknikal tetapi juga dipandu oleh rasa tanggungjawab moral dan sosial yang mendalam. Dengan melahirkan modal insan Rabbani, ACIS mewujudkan impak positif kepada masyarakat, memupuk budaya saling menghormati dan empati. Pusat kepada visi ACIS ialah pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada masyarakat lapangan dan industri.

Dengan memanfaatkan penyelidikan termaju dan metodologi pendidikan lanjutan, institusi ini berusaha untuk kekal di barisan hadapan sains sosial dalam penyebaran pengetahuan. ACIS menyasarkan untuk melengkapkan graduannya bersama industri strategik dengan kemahiran dan kepakaran terkini yang dituntut oleh industri, sekali gus memperkasakan mereka untuk menerajui inovasi dan memacu kemajuan. Tambahan pula, ACIS komited untuk menangani keperluan pihak berkepentingan, rakan kongsi industri dan komuniti yang lebih luas. Dengan melibatkan diri dengan pihak berkepentingan melalui dialog berterusan dan penilaian keperluan, ACIS memastikan tawaran akademiknya kekal relevan dan sejajar dengan tuntutan dunia profesional yang berubah dengan pantas. Selain itu, dengan kerjasama strategik helix, institusi ini secara aktif mencari peluang untuk menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan, penyelesaian dan hasil penyelidikan yang menangani cabaran masyarakat yang mendesak.

Kesimpulannya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) memacu institusinya ke hadapan sebagai pusat akademik dan profesional terkemuka yang cemerlang dengan kerjasama rakan industri, memupuk modal insan Rabbani dan meluncur inovasi melalui kepakaran akademia. Dengan komitmennya terhadap pemindahan pengetahuan, penglibatan komuniti, dan keperluan pihak berkepentingan, ACIS berusaha untuk mencipta impak positif kepada masyarakat dan memperkasakan graduannya untuk memimpin dalam dunia yang sentiasa berkembang. Melalui pendekatan holistiknya terhadap pendidikan, ACIS berhasrat membuka lembaran yang lebih kompetitif dalam kecemerlangan akademik dan tanggungjawab sosial, menyumbang secara signifikan kepada kemajuan individu dan komuniti. Dengan usaha yang murni ini, Kepimpinan ACIS memacu hab pengetahuan dan inovasi yang lestari di dalam lapangan masyarakat, merintis kerjasama dengan industri, memupuk modal insan Rabbani, dan memacu kemajuan peradaban global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0052_HB02_20231_7.2.2 TAHAP HASIL 2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0052_HB03_20232_7.2.3 TREN HASIL 2.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0052_HB04_20233_7.2.4 PERBANDINGAN HASIL 2.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0052_HB05_20234_7.2.5 KEPENTINGAN HASIL 2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Utama 1 melaporkan pencapaian ACIS dalam kejayaan meningkatkan dapatan hasil geran penyelidikan dan pendanaan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan keberhasilannya sepanjang tahun 2022 dalam mencapai objektif menjayakan kolaborasi, perkongsian, kerjasama strategik dalam pelbagai platform penyelidikan, pengajaran & pembelajaran dan konsultasi.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kejayaan pendidikan rabbani dalam industri dan masyarakat:

Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Bidang Tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Antara kedua bidang ini, setelah mendapat pengesahan pihak INQKA yang membenarkan difokuskan kepada salah satu bidang, maka laporan ini akan mengkhususkan kepada Jaringan Industri. Geran penyelidikan dan perundingan memainkan peranan penting dalam landskap akademik dan profesional Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak berkepentingan. Pemerolehan geran memainkan peranan penting dalam memupuk inovasi, memajukan pengetahuan, dan menangani keperluan masyarakat. Kepentingan geran penyelidikan dan perundingan melangkaui sempadan akademik, memberi kesan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk universiti itu sendiri dan masyarakat secara keseluruhan. Kepakaran dan pandangan yang diberikan oleh penyelidik dan perunding UiTM menyumbang kepada pembangunan mampan pelbagai sektor. Kepentingan geran penyelidikan dan perundingan melangkaui UiTM dan hasilnya dapat merangkumi masyarakat dan pemegang taruh. Hasil penyelidikan boleh membentuk dasar, dan menangani isu sosial, ekonomi dan alam sekitar. Tambahan pula, geran perundingan membolehkan UiTM bekerjasama dengan komuniti, memperkasakan masyarakat dalam nilai-nilai rabbani dan rohani. Dengan melibatkan pihak berkepentingan dalam inisiatif penyelidikan dan perundingan, UiTM memastikan hasil tersebut adalah relevan, dan mempunyai impak yang ketara kepada masyarakat secara amnya. Dengan itu, ACIS UiTM mengorak langkah di dalam usaha memperbanyak aktiviti dan kolaborasi bersama industri sepanjang tahun 2022. Terdapat enam perolehan geran konsultasi dan UTP bersama industri bersama ACIS dengan jumlah terkumpul sebanyak RM 35,440 pada tahun 2022. Selain daripada hasil geran industri, terdapat juga program-program yang dijayakan ACIS sepanjang 2022 yang berasaskan kolaborasi bersama industri yang turut juga menghasilkan impak kepada fakulti dan pemegang taruh dengan jumlah perolehan terkumpul dari program kerjasama ACIS- Industri : RM 213,857.30. Pemerolehan gerandan program tajaan industri bukan sahaja memberikan sokongan kewangan tetapi juga telah menjadi pemangkin untuk kecemerlangan penyelidikan dan pertumbuhan institusi. Nilai hasil geran ini telah menyediakan sokongan kewangan kepada UiTM, membolehkan universiti memperuntukkan sumber secara strategik dan meningkatkan keupayaan penyelidikan dalam menjalankan penyelidikan Islam termaju, menghasilkan penerbitan berkualiti tinggi, dan menyumbang kepada kemajuan ilmu dalam pelbagai bidang. Hasil penyelidikan yang dijana melalui geran ini telah memberikan pandangan dan cadangan yang berharga untuk penggubal dasar, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0052_HB02_20231_7.3.2 TAHAP_Tahap KTP-USR \[Final\].pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0052_HB03_20232_7.3.3 TREN KTP-USR \[Final\].pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0052_HB04_20233_7.3.4 PERBANDINGAN_KTP-USR .pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0052_HB05_20234_7.3.5 KEPENTINGAN_KTP-USR \[Final\].pdf](#)